



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5103]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5134]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala B. 15 [Ruangan 5134]

Kepala B. 16 [Ruangan 5188]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5133]

Anggaran Pembangunan, 1973:

Kepala P. 15 [Ruangan 5134]

Kepala P. 16 [Ruangan 5188]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 18hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK
HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak
Bernam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED
BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF
AHMAD (Langat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K.
(Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN,
P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K.
(Hilir Perak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S.
(Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibü).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVERATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

Yang Berhormat TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasar Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasar Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut.)
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAH BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, S.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LEMBAGA PENAPIS FILEM—AHLI-AHLI

1. Dr Chen Man Hin (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah beliau bercadang untuk melantik ahli-ahli parti Pembangkang sebagai wakil kebangsaan dalam Lembaga Penapis Filem.

Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat dilaksanakan kerana kesemua ahli-ahli Lembaga Penapis Filem Malaysia adalah dilantik untuk bertugas sepenuh masa dan dibayar gaji bulanan seperti pegawai-pegawai Kerajaan yang lain mengikut Seksyen 3 "Cinematograph Films Ordinance, 1952" dan bukannya bertugas sambil-sambilan sahaja. Ahli-ahli Lembaga ini juga menapis dua-tiga filem tiap-tiap hari. Oleh yang demikian adalah dikhuatirkan yang ahli-ahli parti pembangkang tiada dapat melapangkan masa untuk menjalankan tugas ini sepenuh masa.

PEGAWAI KANAN POLIS—JAWATAN

2. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa ada pegawai-pegawai kanan polis yang memegang jawatan seperti P.P.D.P., Timbalan P.P.D.P. (Jenayah) atau P.P.P.J. di sesuatu tempat pernah memegang pangkat seperti P.P.P., T.P.P. dan P.P. selama tiga atau empat tahun tetapi mereka diturunkan kepada pangkat yang lama apabila mereka ditukar ke tempat lain dan ada juga di antara mereka yang kena bertugas di bawah pegawai-pegawai muda yang dinaikkan pangkat kerana mendapat pengakuan daripada pegawai-pegawai yang dulunya menjadi ketua mereka mengikut jawatan

yang dipangkunya; jika ya, apa tindakan yang beliau bercadang hendak ambil atas perkara ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua, setahu saya perkara yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak pernah berlaku dalam Pasukan Polis.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat ada menerima aduan dalam hal yang dibangkitkan itu, silalah nasihatkan pegawai berkenaan membuat rayuan kepada Setiausaha, Suruhanjaya Pasukan Polis.

GESTETNER (M) SDN. BHD—TENDER

3. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah Gestetner (M) Sdn. Bhd. diberi tender untuk membekalkan "duplicator" kepada Kerajaan tanpa mempelawa tender-tender dari pembekal-pembekal yang lain; dan
- (b) mengapakah tender itu diberi untuk meliputi tempoh dua tahun dari tarikh 20hb Julai, 1972 hingga 19hb Jun, 1974.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Adalah tidak benar kalau dikatakan bahawa Syarikat Gestetner (M) Sdn. Bhd. telah diberi tender untuk membekalkan mesin-mesin pendua kepada Kerajaan tanpa mempelawa tender-tender dari pembekal-pembekal yang lain, seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana pelawaan tender untuk bekalan mesin-mesin tersebut telah diiklankan di dalam akhbar-akhbar Malaysia pada 19hb Mei, 1971. Tarikh tutup tender ini adalah pada 9hb Jun, 1971. Syarikat Gestetner (M) Sdn. Bhd. ialah salah satu daripada tiga penender yang telah mengambil bahagian di dalam pelawaan tender ini.
- (b) Oleh kerana pelawaan tender ini telah dibuat bagi masa tiga tahun dan harga-harga yang telah ditender oleh penender-penender itu adalah berdasarkan kepada bekalan bagi tempoh tiga tahun juga, maka Lembaga Tender Perbendaharaan telah dinasihatkan bahawa, dari segi undang-undang,

tempoh kontrek dengan Syarikat Gestetner itu hendaklah dibuat sehingga 19hb Jun, 1974, yang meliputi masa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak wang yang terlibat di dalam pemberian tender tersebut?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan itu tidak kena-mengena.

PINJAMAN PEMBANGUNAN DARIPADA AJENSI ANTARABANGSA

4. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan butir-butir jumlah pinjaman pembangunan yang diperolehi dari agensi-agensi antarabangsa dalam tahun 1971 dan 1972, bayaran faedah bagi pinjaman dan jenis projek-projek pembangunan ini.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, jumlah pinjaman-pinjaman pembangunan yang telah didapati daripada agensi-agensi antarabangsa bagi tahun 1971 ialah M\$144.6 juta, dan jumlah bagi tahun 1972 (hingga 30.11.72) ialah M\$199.6 juta.

Pinjaman-pinjaman ini, yang didapati daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia, masing-masing dikenakan kadar faedah sebanyak $7\frac{1}{2}\%$ dan $7\frac{1}{2}\%$ setahun.

Pinjaman-pinjaman ini dibuat untuk membiayai projek-projek pembangunan di dalam berbagai-bagi sektor iaitu, pengangkutan, perhubungan, pelajaran dan keperluan awam.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu contoh daripada pinjaman pembangunan bagi tahun 1971 digunakan dan jelaskan kepada Dewan ini apakah keuntungan yang kita dapati daripada penggunaan pinjaman itu?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, pertama sekali Ahli Yang Berhormat ini, saya fikir, dia tidak pernah membaca suratkhabar, ataupun tidak pernah mendengar radio atau talivisyen. Kita mendapatkan pinjaman misalnya untuk rancangan-rancangan taliair bagi Rancangan Perairan Kemubu, Rancangan Perairan Muda—ini dalam bahagian pertanian. Begitu juga

dalam bahagian pelajaran misalnya. Jadi saya fikir tak payah disebutkan di sini satu persatu.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dalam suratkhabar ada dilaporkan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan bahawa Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun (developing) dan belum membangun meminta soft loan. Saya nampak di sini interestnya lebih 7%, ini bukan soft loan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di Pertua, di dalam pinjaman dengan agensi-agensi yang tersebut selain daripada syarat interest, kita ada syarat-syarat yang lain, misalnya syarat moratorium yakni dalam tempoh beberapa tahun tidak membayar interest dan juga selepas beberapa tahun baharu mula bayar dan ada berbagai-bagai syarat yang lain. Di sini hanya disebutkan syarat interest sahaja. Jadi soft loan yang dimaksudkan ini ialah mengandungi berbagai-bagai syarat selain daripada syarat moratorium dan sebagainya, termasuk juga syarat commitment charge atau sebagainya.

PEMINJAM WANG CETI

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan usaha Kerajaan supaya mewajibkan ceti-ceti (peminjam wang) menerangkan dengan betulnya kadar faedah yang mereka kenakan kepada peminjam-peminjam wang dan samada mereka diwajibkan menyimpan buku-buku rekod serta menyediakan penyata tiap-tiap bulan.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, menurut undang-undang Pemberi-pinjam Wang 42/1951 yang berjalan sekarang memanglah diwajibkan bagi semua pemberi-pinjam wang menyatakan kadar-kadar faedah yang sebenarnya dikenakan di dalam "Surat-surat Perjanjian Pemberi-pinjam Wang" dan juga diwajibkan menyimpan buku kira-kira yang betul, tetapi tidak diwajibkan menyediakan penyata tiap-tiap bulan. Pada masa ini undang-undang Pemberi-pinjam Wang 42/1951 sedang disemak semula untuk diperkemas dan kehendak menyediakan penyata tiap-tiap bulan itu mungkin dimasukkan dalam

peraturan-peraturan yang boleh dibuat di bawah undang-undang yang diperbaharui itu kelak.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar kebanyakan ceti-ceti tidak menjalankan syarat-syarat tertentu iaitu tulis berapa bunga di dalam surat itu? Kalau beliau sedar, apakah tindakan Kementeriannya telah ambil atau akan ambil tentang ceti-ceti yang melanggar syarat-syarat itu?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu Registrar of Money Lenders di tiap-tiap daerah dari semasa ke semasa selalu mengambil tindakan tentang perkara ini. Jika ada timbul masalah macam ini money lenders itu akan tidak diberi lesen apabila sampai cukup tahun bagi sipemohon memperbaharui lesennya.

MAJLIS TEMPATAN—MESYUARAT BULANAN

6. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Majlis-majlis Tempatan tidak mengadakan mesyuarat selama ini dan semua perkara diputuskan oleh Pengerusi, jika ya, apa tindakan akan diambil supaya Majlis-majlis Tempatan mengadakan mesyuarat bulanannya.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, saya akan berterimakasih jika Ahli Yang Berhormat itu boleh memberitahu saya nama-nama Majlis Tempatan yang tidak mengadakan mesyuarat selama ini supaya dapat saya siasat dan mengambil tindakan yang sesuai.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Menteri sedar banyak Majlis Tempatan belum lagi membentangkan Penyata Tahunan Kewangannya. Kalau sedar, bolehkah Menteri yang berkenaan memberi satu contoh di dalam mana beliau telah berjaya meminta satu daripada Majlis-majlis Tempatan itu supaya mematuhi peraturan Kerajaan?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di Pertua, tindakan telah diambil oleh Kementerian saya tentang hal Majlis-majlis Tempatan yang tidak menghantar penyata-penyata itu.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berapa buakkah Majlis-majlis Tempatan di Negeri Perak yang sudah diambil alih oleh Kerajaan Negeri? Kalau tidak, apa yang menghalang Menteri daripada mengambil tindakan?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ini tak bersangkutan dengan soalan asal.

GETAH—PROJEK PENGGUNAAN BARU

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada projek penggunaan baru getah telah dilancarkan; jika ya, nyatakan jumlah wang yang diperuntukkan, bilangan pakar-pakar sains dan pegawai-pegawai penyelidikan yang diambil bekerja dalam projek tersebut, dan peruntukan-peruntukan bagi "fellowship" penyelidikan.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, projek penggunaan baru getah telah pun dilancarkan. Bagi tahun 1973, Persatuan Penyelidikan Pengeluar Getah Asli akan membelanjakan \$6.9 juta dan Pusat Penyelidikan Getah \$2.5 juta. Mengenai kemudahan seperti makmal-makmal, jentera dan perkakas-perkakas semuanya telah disediakan di kedua-dua pusat tersebut untuk tujuan penyelidikan penggunaan baru getah tersebut. Di Persatuan Penyelidikan Pengeluar Getah Asli, 48 daripada 65 pegawai bertugas di pusat itu walaupun sebagai pegawai biasa ataupun sebagai pakar-pakar sains dan di Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu 12 Ahli telahpun dikajikan sebagai ahli teknik. Lebih kurang 15 hingga 20 orang pegawai akan diberi biasiswa untuk latihan sebagai pakar sains dan pegawai penyelidikan tiap-tiap tahun.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Jalan-jalanraya yang memakai getah asli compound ada dibuat di negeri Ceylon dan di lain-lain negeri di dunia ini. Apakah sebabnya Malaysia belum menggunakan getah asli compound di jalanraya kita dengan sepenuhnya?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, kita ada membuat jalan yang menggunakan getah asli compound ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Di mana? (*Ketawa*).

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Itu di tempat lain supaya kita dapat tahu apa kesannya di dalam satu-satu keadaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Ada berapa batu jalan itu dibuat yang menggunakan getah compound?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Bukannya berpuluh-puluh batu. Ini untuk kita gunakan beberapa batu di satu tempat, ada satu tempat itu tidak sampai satu batu kerana ini adalah peringkat percubaan.

Tuan Ng Hoe Hun: Jalan ini dibuat di negeri mana? Adakah di Negeri Perak, Perlis atau Pulau Pinang?

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Di beberapa tempat, termasuk Kuala Lumpur.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Semua negeri.

Tuan Ng Hoe Hun: Terima kasih.

PELABUHAN PULAU PINANG— MENGGANTIKAN

8. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan menimbangakan menggantikan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dengan sebuah Lembaga Buruh yang akan mempunyai kuasa mengambil pekerja-pekerja pelabuhan secara terus menerus dengan mengeneipkan majikan-majikan yang ada sekarang yang mengambil peranan sebagai orang-orang tengah dan memeras pekerja-pekerja secara melampau.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, sekarang ini pertimbangan adalah diberikan terhadap satu cadangan bagi Lembaga Perburuhan Pelabuhan Pulau Pinang untuk mengadakan satu kumpulan pekerja simpanan (*reserved pool of workers*). Pada keseluruhannya sistem yang ada sekarang berjalan dengan memuaskan di bawah perbekalan Perintah Pekerja-pekerja Pelabuhan, (Peraturan Pekerjaan), 1965.

Adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa majikan yang sekarang memeras pekerja-pekerja dengan secara melampau. Perjalanan sekim pekerja pelabuhan adalah di dalam pengawasan yang rapi Lembaga Perburuhan Pelabuhan yang terdiri dari wakil-wakil pekerja kumpulan-kumpulan majikan dan juga ahli-ahli bebas. Perjumpaan diadakan sekali pada tiap-tiap bulan dan semua perkara yang melibatkan perjalanan sekim itu adalah dibincangkan sepenuhnya dan dengan bebasnya sebelum keputusan-keputusan diambil.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pelabuhan Kelang ada membawa satu cadangan yang boleh dikatakan merampas kontrak yang dipegang oleh orang luar atau middlemen. Bolehkah Kerajaan menimbangakan sebagaimana yang telah dilakukan di Pelabuhan Kelang bahawa Kerajaan akan membuat undang-undang demikian di Pelabuhan Pulau Pinang.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, Port Klang lain; Pelabuhan Pulau Pinang lain.

Tuan V. David: Port Klang ada di Selangor, tetapi Pelabuhan Pulau Pinang jauh di utara. Itu saya faham. Tetapi saya cuma hendak tahu bahawa kontraktor di Pulau Pinang bukan orang lain kontraktor di sana dan di Pelabuhan Klang sama sahaja yang telah mengeksploitasi pekerja-pekerja, darah dan warna mereka serupa, sebab kapitalis itu adalah serupa. Bolehkah Kerajaan merampas kontrak-kontrak di Pulau Pinang bagaimana Kerajaan telah merampas kontrak di Pelabuhan Klang?

Tuan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, perkataan merampas yang disebut itu adakah buktinya? Kerajaan hari ini Kerajaan berperlembagaan, kalau hendak ambil apa-apa benda pun mesti mengikut Perlembagaan dan mengikut perundangan. Tetapi Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu kalau bercakap apa yang keluar dari mulutnya itu ikut suka hatinya sahaja. Dia kata Kerajaan merampas. Beliau juga sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang meluluskan segala undang-undang, kita bukan luluskan undang-undang merampas.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, Menteri Perhubungan itu nampaknya takut bila dibawa satu soal yang mengenai Kementerianannya.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Yang Berhormat boleh tanya soalan tambahan.

Tuan V. David: Soalan tambahan, saya minta Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan mengapa Kerajaan tidak mahu ambil kontrek-kontrek itu daripada tangan kapitalis di Pulau Pinang, adakah kapitalis Pulau Pinang ada membayar lebih derma kepada Perikatan daripada kapitalis di Port Klang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, barangkali bila Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat ada dalam Parti Gerakan dia mendapat bantuan, jadi masa itu dia pun diam jugalah (*Ketawa*). Kita pun tak mahu cakap apa-apa. Tetapi, Tuan Yang di Pertua, penjelasan saya di sini sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya Menteri Perhubungan, di dalam Port Klang kita tidak ada merampas apa-apa perniagaan daripada sesiapa pun; jadi itu kita hendak memberitahu kepada umum. Tak usahlah Ahli Yang Berhormat itu menuduh Kerajaan merampas perniagaan sesiapa.

Keduanya, apa yang berlaku di Port Klang kita tidak boleh gunakan terus kepada Pelabuhan Pulau Pinang. Saya katakan tadi pada masa sekarang kita mesti ada pool of workers dahulu, biarlah kita jalankan perkara itu dahulu. Kalau pada satu masa kita fikirkan kita hendak pakai workers terus kita akan timbangkan pada masa itu.

Tuan V. David: Tuan Yang di Pertua, terima kasih. Sekarang baharu saya tahu Yang Berhormat Dr Lim Chong Eu ada mendapat derma daripada kapitalis-kapitalis Pulau Pinang. Itu dia boleh jawab sendiri. Sekarang saya mahu tahu berapa jumlah kontrek di Pulau Pinang, oleh sebab kita tahu di Pelabuhan Klang juga ada tiga empat kontrekter dan kapitalis. Kalau Kerajaan tidak merampas, Kerajaan sudah beli. Bolehkah Kerajaan membeli kontrek di Pulau Pinang oleh kerana kerja-kerja di Pulau

Pinang dan Port Klang adalah serupa dan sistem pelabuhannya serupa juga. Apakah sebabnya kita mahu beri middlemen mencari keuntungan dan apakah sebabnya Kerajaan tidak dapat mencari satu jalan mengatasi perkara ini.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh memberi fikiran, boleh bertanya soalan tambahan sahaja.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan, mengapakah sampai sekarang soalan asal saya tidak dijawab. Yang Berhormat Menteri itu menjawab mengatakan itu tak serupa, ini tak serupa. Saya mahu jawapan yang tepat daripada Kerajaan, apakah sebabnya Kerajaan tak boleh ambil kontrek di tangan kapitalis-kapitalis di Pulau Pinang?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat itu sudah pun terang. Dia bertanya, adakah Kerajaan hendak menimbangkan bagi menggantikan Lembaga Buruh Pelabuhan Pulau Pinang dengan sebuah Lembaga Buruh yang akan mempunyai kuasa mengambil pekerja pelabuhan secara terus. Saya kata, tidak ada pada masa sekarang.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan . . .

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Menteri boleh jawab. Pada masa sekarang tidak boleh lagi.

BATUK KERING—PENYAKIT

9. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah orang-orang yang mengidap penyakit batuk kering sebagaimana pada 1hb Oktober, 1962 dan 1hb Oktober, 1972 dalam tiap-tiap negeri di Malaysia Barat.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di Pertua, jumlah bilangan orang-orang yang mengidap penyakit batuk kering sebagaimana pada 1hb

Oktober, 1962 dan 1hb Oktober, 1972 dalam tiap-tiap negeri di Malaysia Barat, adalah seperti berikut:

**JUMLAH BILANGAN YANG DI ANG-
GARKAN BAGI KES PENYAKIT TIBI
DI MALAYSIA BARAT 1962 DAN 1972—
OLEH NEGERI**

	1962	1972
Perlis	527	412
Pulau Pinang	3557	2582
Kedah	4085	3199
Perak	7247	5282
Pahang	1858	1671
Trengganu	1656	1373
Kelantan	2981	2291
Selangor	6110	5507
N. Sembilan	2231	1612
Melaka	1779	1353
Johor	5634	4292
Jumlah	37,465	29,574

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Pada masa sekarang berapa peratus orang yang mengidap penyakit T.B. yang telah mati? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tak bersangkut-paut dengan soalan atau pertanyaan yang asal.

SISTEM KENAIKAN DARJAH

10. Tuan Hor Cheok Foon (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau boleh menimbangkan dengan telitinya untuk menghapuskan sistem kenaikan darjah secara automatik di sekolah-sekolah rendah sekarang.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, sistem kenaikan darjah tanpa sekatan di peringkat sekolah rendah yang diamalkan pada masa ini mulamulanya disyorkan oleh Jawatankuasa Pelajaran tahun 1956. Satu daripada sebab-sebab syor ini dibuat ialah untuk menentukan bahawa tiap-tiap seorang kanak-kanak itu berada di dalam darjah yang sesuai dengan umurnya.

Dalam tahun 1960 pula, Kerajaan telah membentuk sebuah Jawatankuasa Penyemak, yang lebih dikenali sebagai Jawatankuasa Abdul Rahman Talib, untuk menyemak dasar pelajaran tahun 1956 itu.

Antara lain, Jawatankuasa ini telah menyemak semula sistem kenaikan darjah tanpa sekatan dan bersetuju bahawa sistem ini adalah sesuai untuk keperluan kita. Jawatankuasa ini juga telah melahirkan pendapat bahawa kebanyakan daripada kecemasan yang ditujukan terhadap sistem itu timbul daripada keterangan yang tidak mencukupi tentang bagaimana sistem itu berjalan.

Laporan Jawatankuasa Penyemak tahun 1960 itu telah dipersetujui juga oleh Parlimen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya ingin menyatakan di sini bahawa sistem kenaikan darjah tanpa sekatan ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip "Universal Education" iaitu setiap kanak-kanak hendaklah diberi pelajaran selama 9 tahun tanpa sekatan.

Sistem kenaikan darjah tanpa sekatan yang diamalkan sekarang tidak bermakna bahawa murid-murid tidak diuji dan dibiarkan dengan begitu sahaja sehingga mereka meningkat ke Darjah VI. Peperiksaan dan ujian-ujian dijalankan di semua sekolah dan di antara peperiksaan dan ujian-ujian tersebut termasuklah Peperiksaan Nilaian Darjah V, ujian kemajuan berkala dan juga ujian kemajuan pada tiap-tiap bulan. Berdasarkan kepada keputusan-keputusan peperiksaan dan ujian-ujian ini Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah "remedial" untuk menentukan bahawa mutu pelajaran di sekolah-sekolah rendah tidak merosot. Dalam tahun ini Kementerian Pelajaran akan memberi perhatian yang lebih mendalam lagi di dalam perkara kerja-kerja "remedial" ini.

Di samping rancangan-rancangan yang telah disebutkan tadi, Kementerian Pelajaran juga akan mengendalikan suatu rancangan tiga tahun yang akan melibatkan semua negeri di Malaysia Barat, untuk mengkaji masalah "slow-learners" dan akibat sistem naik darjah tanpa sekatan ini. Berdasarkan atas hasil kajian ini nanti Kementerian Pelajaran akan mengambil langkah-langkah lanjut di dalam perkara kerja-kerja "remedial" di peringkat sekolah rendah.

Berdasarkan atas kerja-kerja "remedial" yang telah disebutkan tadi dan rancangan-rancangan Kementerian ini pada masa hadapan, Kementerian Pelajaran yakin bahawa sistem kenaikan darjah tanpa sekatan yang sedang diamalkan pada masa ini adalah sesuai dengan prinsip-prinsip pelajaran. Oleh itu masaalah samada Kerajaan akan menimbang untuk menghapuskan sistem kenaikan darjah tanpa sekatan ini tidaklah timbul.

KELAS-KELAS DEWASA DI SARAWAK

11. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

- (a) bilangan sekolah-sekolah dewasa di Sarawak;
- (b) bilangan guru-guru sekolah dewasa bertugas di Sarawak;
- (c) bilangan guru-guru sekolah dewasa di Sarawak yang terlatih sekarang; dan
- (d) samada guru-guru ini akan mendapat kenaikan gaji seperti guru-guru lain menurut Lapuran Aziz.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamad bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, tidak ada sekolah-sekolah dewasa di Sarawak, yang adanya cuma kelas-kelas dewasa sahaja. Mengikut angka pada 31hb Disember, 1972 ialah sebanyak 335 buah kelas dan angka guru-guru, jawapan kepada soalan (b) ialah 135 orang guru dan jawapan kepada (c) ialah guru-guru kelas dewasa tidak terdiri dari guru yang terlatih seperti guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan. Jawapan kepada (d) Tidak. Mereka hanya guru sambilan dan menerima elaun sahaja.

MAS—PEMBUBARAN M.S.A.

12. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Perhubungan menyatakan samada rakyat Malaysia yang telah kehilangan mata pencarian disebabkan pertukaran kepada MAS.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, tidak ada warganegara Malaysia dalam M.S.A. yang kehilangan kerja oleh kerana pembubaran M.S.A. Mereka yang telah memilih untuk berkhidmat dengan

MAS dalam tempoh pemilihan atau "option" 24hb November, 1971 hingga 23hb Januari, 1972 telah diterima memasuki MAS dan mereka yang tidak memilih memasuki MAS telah memasuki SIA.

Tuan Yeoh Teck Chye: Tuan Yang di Pertua, bolehkah Menteri yang berkenaan beritahu bahawa pada masa sekarang berapa kakitangan dalam MAS yang bukan warganegara Malaysia?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu pertanyaan lain, sepatutnya soalan itu dibuat awal-awal lagi. Saya akan beritahu kepada Ahli Yang Berhormat itu nanti.

BELIA MENGANGGUR— PENDAFTARAN PEKERJAAN

13. Tuan Pengarah Rahun Anak Debak minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) bilangan belia-belie yang menganggur yang mempunyai Sijil Senior Cambridge dan Sijil Pelajaran Malaysia; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan bahawa belia-belie ini mendapat pekerjaan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bilangan belia yang telah mendaftar untuk pekerjaan di Perkhidmatan Pekerjaan di Malaysia Barat dan mempunyai Sijil Senior Cambridge dan Sijil Pelajaran Malaysia sehingga pada 31.10.1972 ialah 12,071.
- (b) Perlu dinyatakan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bukanlah sebuah sahaja badan yang menjalankan tugas-tugas penubuhan belia untuk pekerjaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, MARA dan lain-lain agensi adalah juga giat dalam aktiviti-aktiviti seperti ini. Walaubagaimanapun, adalah mustahak diingatkan bahawa kelulusan persekolahan di peringkat Sijil Persekolahan atau Sijil Pelajaran Malaysia adalah tidak mencukupi memasuki pasaran pekerjaan oleh kerana keperluan sektor perusahaan sekarang ialah untuk mendapati pekerja-pekerja mahir. Oleh yang demikian, belia-belie ini perlu

dilatih dalam pelbagai kemahiran dan ini dijalankan melalui berbagai-bagai institusi latihan seperti Pusat Latihan Perusahaan di Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan lain-lain institusi latihan yang ditubuhkan oleh MARA, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pelajaran.

Walaubagaimanapun, di mana kekosongan-kekosongan yang sesuai dengan kelulusan-kelulusan ini diberitahu ke Perkhidmatan Pekerjaan, maka Perkhidmatan tersebut akan mengemukakan calon-calon kepada majikan-majikan yang memberitahu kekosongan-kekosongan itu, dengan cara biasa.

Tuan Awang Bungsu bin Abdullah: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat bercadang digalakkan di Sarawak supaya mempelajari dan mengadakan sekolah pertukangan dan lain-lain untuk belia-belia yang tidak ada mempunyai pekerjaan di sana?

Tan Sri V. Manickavasagam: Ini ada dijalankan, Tuan Yang di Pertua.

LADA HITAM—RANCANGAN BANTUAN

14. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kerajaan Persekutuan akan memberi lebih banyak lagi wang bantuan Kerajaan Pusat untuk menambah wang bantuan Kerajaan Negeri yang diberi kepada pengeluar-pengeluar lada hitam supaya sesuatu keluarga dapat menanam sekurang-kurangnya 400 pokok dengan tidak payah meminjam daripada punca-punca Separa-Kerajaan atau Bukan Kerajaan bagi tiga tahun yang pertama penanaman.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, bagi menjawabnya bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan pemberian pembangunan terus kepada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah \$1,000,000 bagi tahun 1972 bagi Rancangan Bantuan Tanaman Lada Hitam kepada peladang-peladang di Negeri Sarawak itu. Peruntukan pemberian itu bagi tahun 1973 ialah sebanyak \$3,400,000.

Menurut peraturan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak peladang-peladang boleh membuat permohonan bagi bantuan di bawah Rancangan yang tersebut kepada Pejabat Pertanian Negeri Sarawak. Bantuan yang akan diberi ialah diasaskan kepada tanaman sebanyak 200 pokok bagi tiap-tiap peserta sekurang-kurangnya, ataupun tidak lebih 1,000 pokok bagi tiap-tiap seorang peserta. Pemberian ini adalah bergantung kepada peruntukan yang dibuat kepada Daerah masing-masing. Keputusan akan dibuat oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah iaitu mengikut peruntukan wang yang ada bagi Daerahnya dan bilangan pemohon-pemohon yang diterima.

MENINGGALKAN BANGKU SEKOLAH—JUMLAH

15. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah orang-orang yang meninggalkan bangku sekolah pada tahun 1971 dan 1972.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, jumlahnya di semua peringkat adalah seperti berikut:

1971	...	199,447 orang;
1972	...	184,338 orang.

GURU-GURU BERIJAZAH SASTERA/SAINS

16. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru-guru berijazah di dalam jurusan:

- (i) Sastera; dan
- (ii) Sains yang Malaysia sangat kekurangan dan nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, jumlahnya adalah seperti berikut:

- (i) 3,254.
- (ii) 1,275.

Kementerian Pelajaran adalah sedar tentang kekurangan guru-guru Sains dan telah mengambil langkah-langkah yang tersusun untuk mengatasi kekurangan ini. Mengenai langkah jangka panjang, Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (a) Kementerian Pelajaran telah berusaha untuk memperbaiki cara mengajar Sains

dan Ilmu Hisab melalui pembaharuan isi-isi kandungan dan mengutamakan kerja-kerja praktik serta menggalakkan murid-murid mempelajari Sains secara "inquiry". Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, Kementerian telah melaksanakan Kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru mulai daripada tahun 1969.

Untuk menarik minat murid-murid ke Bidang Sains dan Teknologi, Kementerian telah memperkenalkan juga mata-mata pelajaran seperti Sains Pertanian dan Seni Perusahaan di Sekolah-sekolah.

- (b) Untuk menampung murid-murid yang besar jumlahnya, Kementerian Pelajaran telah menambah bilangan kelas-kelas Sains di Tingkatan IV, V dan VI. Bilangan murid-murid pun telah ditambah secara beransur-ansur di Sekolah-sekolah vokesyenal dan teknikal. Selain daripada penambahan kelas-kelas, Kementerian juga sedang membina 10 buah Sekolah Menengah Sains, 10 buah Sekolah Menengah Vokesyenal dan 6 buah Sekolah Menengah Teknik.

Melalui rancangan-rancangan ini adalah diharapkan lebih ramai lagi kanak-kanak sekolah dapat mengikuti pelajaran sains, hisab dan teknik dengan lebih sempurna lagi dan lebih ramai daripada mereka akan dapat melanjutkan pelajaran di dalam bidang ini di pusat-pusat pengajian tinggi.

Untuk menentukan murid-murid yang pendidikannya berasaskan kepada Sains dan Teknologi dapat melanjutkan pelajarannya, yayasanyayasan seperti Instituti Teknologi Kebangsaan, Maktab Pertanian Serdang (Universiti Pertanian) dan Universiti Malaya telah menambahkan tempat-tempatnya. Yayasan-yayasan yang baru seperti Politeknik Ungku Omar, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuh untuk menampung keperluan di dalam bidang ini. Di beberapa buah yayasan ini, ijazah-ijazah Sains dengan Pendidikan telah dimulakan dengan tujuan untuk menambah bilangan guru-guru siswazah Sains, hisab dan teknologi usaha-usaha ini akan dilipatgandakan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Syor-syor Suruhanjaya Aziz yang menentukan syarat-syarat baru untuk guru-guru siswazah telahpun dilaksanakan. Dan langkah ini sudah tentu akan menambahkan lagi minat siswazah Sains dan Ilmu Hisab ke Perkhidmatan Pelajaran yang dahulunya mereka itu tidak mahu bekerja di sana.

Langkah-langkah jangka pendek adalah seperti berikut:

- (i) Menawarkan biasiswa Persekutuan kepada penuntut-penuntut dan guru-guru yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus-kursus Sains dan Hisab di Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi tempatan dan juga di luar negeri. Umpamanya untuk memenuhi keperluan sekolah-sekolah menengah kebangsaan, penuntut-penuntut telah dihantar ke Indonesia.
- (ii) Universiti Malaya telah menambahkan pengambilan Siswazah-siswazah Sains dan Ilmu Hisab ke dalam Fakulti Pendidikan.
- (iii) Universiti Sains Malaysia telah mengadakan kursus Ijazah Sains dan Pendidikan.
- (iv) Maktab Pertanian Serdang telah mengadakan kursus untuk mengeluarkan siswazah-siswazah di dalam bidang Sains Kaji Hayat dan Kimia.
- (v) Instituti Teknologi Kebangsaan telah mengadakan kursus-kursus untuk mengeluarkan siswazah-siswazah di dalam jurusan Fizik, Ilmu Hisab dan Kimia.
- (vi) Mulai daripada tahun ini, siswazah-siswazah Sains dan Ilmu Hisab yang tidak mendapat tempat di dalam Fakulti Pendidikan Universiti Malaya akan diambil dan diberikan kursus pendidikan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.
- (vii) Bantuan tenaga-tenaga pengajar dari luar negeri telah diperolehi seperti guru-guru Sains dan hisab dari Indonesia dan pasukan sukarelawan Amerika Syarikat.
- (viii) Pengambilan calon-calon untuk latihan perguruan diutamakan kepada mereka yang mempunyai kelulusan yang baik di dalam mata pelajaran Sains dan Hisab.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Memandang kepada kekurangan guru-guru yang berijazah di dalam jurusan sastera dan sains di sekolah-sekolah kita, adakah Kementerian bertujuan atau berniat untuk mengambil siswazah-siswazah daripada universiti-universiti Nantah dan Formosa dan lain-lain yang ada kelayakan untuk mengatasi masaalah ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya sekarang ini di dalam perkhidmatan pelajaran ada guru-guru sains yang berijazah daripada Nantah dan Taiwan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Kementerian mendapatkan lebih siswazah-siswazah dari Nantah dan Taiwan untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru berijazah ini bagi masa hadapan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, kita akan timbangkan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran sedar bahawa kekurangan guru-guru sains di sekolah-sekolah kita bukan masaalah yang timbul sekarang. Masaalah ini, adakah beliau sedar, bahawa pada pendapat saya, 10 tahun lebih dahulu atau lebih daripada masa itu. Dan adakah beliau sedar langkah-langkah yang beliau sebutkan tadi tidak menghapuskan kekurangan ini? Bolehkah Kementerian Pelajaran menimbangkan untuk memberi lebih biasiswa kepada mahasiswa yang hendak memasuki Fakulti Sains di universiti-universiti kita supaya kita boleh mengatasi atas masaalah ini?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, bukan kita tidak sedar akan kekurangan guru-guru siswazah sains ini dan malahan disebabkan atas kesedaran kita ini, maka kita telah menjalankan beberapa langkah iaitu langkah jangka panjang dan langkah jangka pendek. Dan sejauh mana langkah-langkah ini memberi kesan nanti, saya fikir berilah masa dahulu. Biar rancangan ini berjalan dahulu. Tetapi kita berasa bahawa dengan rancangan-rancangan yang kita buat ini, masaalah kekurangan guru-guru siswazah sains ini akan dapat diatasi. Dan menyentuh cadangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengapa kita tidak memberi biasiswa yang lebih kepada pelajar-pelajar yang hendak

mengikuti pelajaran sains dan hisab, saya telah sebutkan tadi bahawa biasiswa diberi atau diutamakan kepada mereka-mereka yang hendak mengikuti pelajaran sains dan hisab.

WAD BERKELAS DI HOSPITAL—MENUKARKAN

17. Tuan Hor Cheok Foon bertanya kepada Menteri Kesihatan adakah Kementerian beliau bercadang untuk menukarkan sistem wad-wad berkelas-kelas di hospital umum kepada wad-wad yang sama tarafnya.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua, jawapan adalah sama seperti jawapan yang telah saya berikan kepada soalan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Port Dickson pada 18-12-1972.

HOSPITAL-HOSPITAL DAERAH DI SARAWAK

18. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (a) berapa banyak hospital-hospital daerah yang ada di Sarawak sekarang; dan
- (b) berapa banyak dari hospital-hospital ini yang mempunyai doktor-doktor yang telah diambil bagi perkhidmatan di Sarawak untuk mengatasi kekurangan bilangan doktor-doktor di Negeri itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Pada masa ini ada 6 buah hospital daerah dalam Sarawak dan hospital-hospital ini ditempatkan di daerah-daerah:
 - (1) Lundu
 - (2) Sarikei
 - (3) Mukah
 - (4) Bintulu
 - (5) Marudi
 - (6) Lawas.
- (b) Semua hospital daerah sekarang ini dipenuhi dengan Pegawai Perubatan.

KEMALANGAN DI SYARIKAT INDIAN MALAYSIAN TEXTILES BHD.

19. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan kemalangan yang dilaporkan hingga 30hb November, 1972 di Syarikat Indian Malaysian Textiles Bhd., Butterworth oleh kerana penggunaan soda api dan apa tindakan yang Kementerian telah ambil mengenai langkah-langkah keselamatan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, sebanyak 17 kemalangan yang terlibat soda api telah dilaporkan kepada Jabatan Buruh, Butterworth, yang melibatkan sejumlah 12 pekerja. Kebanyakan kemalangan itu adalah bakar rangen yang disebabkan oleh perecik-perecik pada muka, tangan dan kaki pekerja. Dalam tempoh November, 1971 hingga November 1972, syarikat ini telah menanggung kerugian pengeluaran sebanyak 30 hari-kerja. Jabatan Kilang dan Jentera telah membuat siasatan ke dalam sebab-sebab kemalangan ini dan didapati bahawa kebanyakan kemalangan-kemalangan itu berlaku apabila pekerja sedang membuka deram yang mengandungi soda api dengan menggunakan tukul dan pahat sebelum memotong deram itu dan soda api dinaikkan ke dalam tangki campuran. Boot-boot getah, sarung-sarung tangan dan pelindung mata yang disediakan oleh syarikat untuk penggunaan pekerja-pekerjanya adalah digunakan oleh pekerja-pekerja. Walaubagaimanapun, ada kejadian-kejadian di mana soda api merecik pada muka pekerja melalui celah-celah cermin mata, dan lain-lain. Memandang kepada demikian, syarikat itu telah diarahkan supaya memberhentikan praktik memotong deram soda api dengan pahat dan digantikan dengan mengguna "clippers". Pengguna cermin mata hendaklah digantikan dengan perisai-perisai muka yang mana boleh menutup muka pekerja itu hingga dagunya, dan apron-apron bagi menutup badannya. Boot getah dan sarung tangan yang disediakan hendaklah dipaksa pekerja-pekerja menggunakannya.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Adakah pegawai-pegawai dari Kementerian Buruh menyiasat seminggu atau sebulan sekali? Saya dengar pegawai-pegawai tidak ada siasat itulah sebabnya ramai orang yang terkena api ataupun sebagainya yang boleh menyusahkan bagi pekerja-pekerja. Bolehkah

Yang Berhormat Menteri berjanji tiap-tiap bulan diadakan siasatan oleh pegawai Kementerian Buruh?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, sebab perkara ini perkara besar, saya sudah pun memberi arahan kepada pegawai-pegawai untuk menyiasat dan memberi laporan tiap-tiap bulan dengan seberapa segeranya.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA—KEGIATAN-KEGIATAN

20. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh mana kegiatan-kegiatan Institiut Teknologi MARA dapat membentuk keperibadian bangsa dan negara ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang diketahui, Kerajaan menubuhkan MARA untuk meninggikan lagi taraf ekonomi kaum bumiputra di negara ini. Satu dari kegiatan-kegiatan MARA ialah melatih seberapa banyak penuntut-penuntut bumiputra supaya mereka itu dapat memainkan peranan yang cergas dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Dengan adanya kursus-kursus kemahiran kepada pelajar-pelajar di dalam beberapa lapangan Institiut Teknologi MARA memainkan peranan yang penting dalam mengubah semula corak pemikiran pelajar-pelajar. Ini adalah satu kontribusi yang besar dalam membina jenerasi baharu. Latihan yang diberikan itu menanam semangat "berlumba-lumba" dalam sanubari mereka. Pemikiran mereka bertambah maju dan luas dan latihan-latihan ini membina semangat yakin kepada kebolehan diri sendiri dan semangat "berdikari".

Institiut Teknologi MARA juga patut dipuji atas usahanya untuk mengkayakan keperibadian negara melalui senilukis, seni-bina, usaha-usaha bercorak kebudayaan dan keagamaan dan kegiatan-kegiatan bercorak ilmiah seperti seminar-seminar.

KELAPA—RANCANGAN PEMASARAN

21. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil

untuk menjamin kesetabilan harga kelapa yang menjadi sumber kehidupan sebahagian besar rakyat negeri ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini sebagai tindakan permulaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan akan mengadakan Rancangan Pemasaran Kelapa untuk mengawal amalan pasaran kelapa melalui perlesenan. Jemaah Pemasaran Hasil-hasil Pertanian yang telah ditubuhkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan akan menubuhkan pusat-pusat untuk membeli buah kelapa daripada pekebun-pekebun supaya diproses untuk dijadikan kelapa kering yang bermutu tinggi. Penyertaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan di dalam perniagaan kelapa/kelapa kering ini akan menolong mengaturkan objektif memaksimumkan dan menstabilkan harga kelapa kepada pekebun-pekebun.

PEKERJA-PEKERJA BERDAFTAR

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pekerja-pekerja yang berdaftar di bawah Akta Keselamatan Sosial 1969, dan butir-butir caruman yang dibayar kepada Sekim ini tiap-tiap bulan dalam tahun 1972.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, bilangan pekerja-pekerja yang didaftarkan di bawah Sekim Bencana Pekerjaan di dalam dua belas pusat iaitu Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Baharu, Klang, Melaka, Taiping, Shah Alam, Seremban, Alor Star dan Kuantan sehingga 1hb Januari, 1973, ialah 341,885.

Mengenai butir-butir caruman yang dibayar pada tiap-tiap bulan dalam tahun 1972, Sekim ini telah dilaksanakan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya berkuatkuasa mulai 1hb Jun, 1972, Ipoh dan George Town berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1972 dan di pusat-pusat yang lain lagi itu berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1973. Disebabkan tempoh pencaruman berakhir hanya pada 31hb Disember, 1972 dan majikan-majikan diberikan satu bulan setengah (sehingga 15hb Februari, 1973) untuk mengemukakan kad caruman mereka,

maka adalah tidak mungkin pada ketika ini untuk memberikan maklumat-maklumat sebagaimana yang diminta.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bertujuan untuk membesarkan sekim ini untuk melibatkan pekerja-pekerja di luar bandar?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan dalam Dewan ini, apa yang kita ada jalankan dalam bandar-bandar besar ialah Employment Injury Scheme; the second phase of the Scheme is the Invalidity Pension Scheme, bermakna pekerja-pekerja bukan sahaja di dalam bandar, tetapi juga di luar bandar pun ada termasuk di dalam sekim itu.

BANTUAN KEPADA KAMPUNG BARU

23. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan berapa kali beliau telah memberi bantuan kepada kampung-kampung baru di Malaysia.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu tidak mengetahui apakah tugas saya yang sebenarnya. Jika beliau tahu mungkin pertanyaan ini tidak dikemukakan.

Tugas saya bukanlah untuk memberi bantuan kadang-kala kepada kampung-kampung baru tetapi sebagai penyelaras kemajuan kampung-kampung baru, saya telah selenggarakan beberapa perkara yang memberi faedah kepada semua kampung-kampung baru di Malaysia Barat. Umpamanya, saya telah mendapatkan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menimbangkan penyelesaian sebahagian daripada masalah-masalah geran tanah di kampung-kampung baru; dan mendapatkan peruntukan untuk memperbaiki keadaan kampung-kampung baru dalam tahun ini.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan ingat bahawa pada bulan Februari, 1972 beliau telah menerima sepucuk surat daripada penduduk-penduduk Kampung Abdul Wahab yang berhampiran dengan Ampang New Village, malangnya beliau telah menjawab bahawa beliau tidak boleh melawat Kampung Abdul Wahab.

Bolehkah Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa sekarang beliau boleh melapangkan masanya untuk melawat penduduk-penduduk di Kampung Abdul Wahab supaya masalaah-masalaah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sana boleh mendapat perhatian oleh Menteri yang berkenaan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, Kampung Abdul Wahab ini bukanlah sebuah kampung baharu dalam term of reference Kementerian saya, tetapi kalau saya ada masa, kalau Ahli Yang Berhormat hendakkan saya pergi melawat di sana beliau boleh berjumpa dengan saya, dan kalau ada apa-apa masalaah yang hendak diselesaikan dalam kampung sana, bolehlah berjumpa dan boleh kita bincangkan.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, terima kasih terhadap jemputan kepada saya untuk berhubung dengan beliau tentang kampung ini, tetapi adakah Menteri yang berkenaan sedar kampung ini ialah kampung yang baharu ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk-penduduk di situ terdiri daripada tiga kaum yang terbesar di tanah air kita, oleh sebab itu perlu Menteri yang berkenaan melawat ke kampung ini dengan saya jikalau beliau berkehendakkan.

Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di Pertua, saya boleh timbangkan atas hal ini.

AHLI MAJLIS TEMPATAN— MENGGANTIKAN

24. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak ahli-ahli Majlis Tempatan telah berhenti atau meninggal, jika ya, apa tindakan akan diambil untuk menggantikan tempat mereka.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Yang di Pertua, oleh sebab perkara ini adalah perkara "detail" dan bukan berkaitan dengan polisi, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat bangkitkan perkara ini dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa pada masa ini, Peraturan-peraturan Dharurat, 1965 (Peng-

gantungan Pilihanraya-pilihanraya Kerajaan Tempatan) dan Peraturan-peraturan Dharurat, 1965 (Penggantungan Pilihanraya-pilihanraya Kerajaan Tempatan) (Pindaan) bukan sahaja menggantungkan pilihanraya kerajaan tempatan, tetapi juga menentukan cara bagaimana kekosongan-kekosongan yang wujud di dalam penguasa-penguasa tempatan pada masa penggantungan pilihanraya kerajaan tempatan patut dipenuhi. Oleh yang demikian, kekosongan tidak sepatutnya wujud di dalam Majlis-majlis Tempatan berikutan dengan kematian atau jika ahli-ahli majlis berhenti berkhidmat di dalam penguasa-penguasa tempatan atas apa-apa jua sebab.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi pertanyaan No. 25 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PELABURAN ASING/SEKTOR SWASTA

25. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kewangan menyatakan bilangan pekerjaan yang diadakan dalam tahun 1971 dan 1972 melalui perbelanjaan wang orang ramai, pelaburan asing dan pelaburan sektor swasta.

Tan Sri V. Manickavasagam: Maklumat mengenai bilangan pekerjaan yang diadakan dalam tahun 1971 dan 1972 melalui perbelanjaan-perbelanjaan orang-ramai, pelaburan asing dan pelaburan sektor swasta telahpun diberikan di dalam Lapuran Ekonomi (Economic Report) yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa mencadangkan Belanjawan tahun 1973.

BIJIH TIMAH—KERJASAMA MALAYSIA/INDONESIA

26. Dr A. Soorian minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada apa-apa kemungkinan kerjasama dalam perusahaan bijih timah di antara Malaysia dan Indonesia dan samada rancangan induk bagi percubaan ini telah disediakan.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Pada masa ini belum ada apa-apa kemungkinan kerjasama dalam perusahaan bijih timah di antara Malaysia dengan Indonesia. Oleh itu rancangan induk bagi percubaan

ini tidaklah setakat ini. Ahli Yang Berhormat tentu tahu iaitu perusahaan bijih timah di Indonesia adalah diusahakan oleh Kerajaan manakala di Malaysia Perusahaan ini adalah diusahakan oleh pihak swasta. Walaubagaimanapun Kerajaan akan mengkaji apa-apa kemungkinan kerjasama sekiranya pihak yang berkuasa di Indonesia menghubungi kita dalam soal ini oleh kerana kedua-dua negara sebagai ahli di Majlis Timah Antarabangsa adalah sentiasa bekerjasama di dalam soal-soal bijih timah antarabangsa.

HARGA BARANG NAIK— MUSIM PERAYAAN

27. Dr A. Soorian minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa dalam musim perayaan misalnya Hari Raya Puasa, harga barang-barang seperti telur tidak kira apa grednya melambung naik walaupun tidak ada apa-apa kekurangan mengikut penternak-penternak ayam dan oleh kerana dengan penubuhan tanda harga tidak akan dapat mengatasi masalah ini, kerana ini cuma memberitahu pembeli-pembeli harga yang ia kena bayar, jika ya, apa tindakan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Kementerian saya adalah sedar bahawa semasa musim perayaan harga beberapa jenis barang naik dan ini adalah disebabkan bertambahnya demand ke atas barang-barang tersebut yang mana selalunya tidak boleh diimbangkannya dengan pembekalan barang-barang tersebut. Berkenaan dengan telur, permintaan yang banyak ialah untuk tempoh musim perayaan yang pendek sedangkan pembiakan binatang-binatang yang mengeluarkan telur adalah lebih ditentukan oleh kehendak arahan bekalan yang mempunyai tempoh yang lebih panjang. Oleh yang demikian, setakat yang tertentu, masalah ini bergantung kepada usaha memperbaiki lagi peraturan pemasaran telur-telur seperti menyalurkan lebih (surplus) yang boleh dijual yang terutamanya terdapat di kawasan-kawasan luar bandar ke tempat-tempat seperti di bandar-bandar yang mana terdapat kekurangan melalui usaha bersama badan-badan seperti Persatuan-persatuan Peladang, Syarikat-syarikat Kerjasama Pertanian dan Persatuan-persatuan Pengguna.

FERI PULAU PINANG KE BELAWAN

28. Dr A. Soorian minta Menteri Perhubungan menyatakan samada Kerajaan telah mendapatkan perkhidmatan perunding bagi menyerahkan satu laporan mengenai kemungkinan mengadakan perkhidmatan feri dari Pulau Pinang ke Belawan (Sumatra) ke Pelabuhan Kelang dan Port Dickson dalam perjalanan ke Dumai.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kerajaan telah pun mendapat perkhidmatan Juru Perunding bagi menjalankan kajian perkhidmatan feri dari Pulau Pinang ke Belawan (Sumatra). Kajian ini telahpun dibuat dalam bulan Oktober, 1972 dan laporan telah pun diterima dalam pertengahan bulan Januari, 1973.

Mengenai perkhidmatan feri ke Kelang dan Port Dickson, kajian yang dibuat menunjukkan bahawa adalah tidak menguntungkan (viable) untuk mengadakan perkhidmatan feri ke Pelabuhan-pelabuhan tersebut.

GESTETNER—JAMINAN KEROSAKAN

29. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa:

- (a) Jaminan 5 tahun yang dibuat oleh Gestetner mengenai "duplicator" adalah hanya untuk kerosakan-kerosakan jentera sementara buatan-buatan lain memberi jaminan 5 tahun ke atas bahagian-bahagian yang mahal (misalnya, "impression rollers", pam dakwat, "ink rollers" dll.);
- (b) bahagian-bahagian Gestetner adalah dua atau tiga kali ganda lebih mahal dari lain-lain cap; dan
- (c) rawatan "duplicator" Gestetner adalah percuma hanya setahun sementara buatan-buatan lain memberi rawatan percuma selama hayat mesylin itu.

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):

- (a) Saya diberitahu bahawa Syarikat Gestetner memberi jaminan selama lima tahun ke atas kerosakan jentera mesin-mesin pendua. Saya juga diberitahu bahawa kedua-dua penender yang lain yang telah mengambil bahagian di dalam pelawaan tender tersebut telah

tidak memberi jaminan ke atas semua alat-alat ganti bagi masa lima tahun. Misalnya, mereka tidak memberi jaminan ke atas alat-alat tersebut seperti "ribbons", "rollers" dan "ink pads".

- (b) Saya telah menyasiat dan mendapati adalah tidak benar bahawa harga alat-alat ganti Gestetner itu lebih mahal sebanyak dua atau tiga kali ganda daripada harga alat-alat ganti penender-penender yang telah mengambil bahagian di dalam pelawaan tender tersebut, sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.
- (c) Saya sedar bahawa Gestetner memberi penyenggaraan percuma selama setahun sahaja sekiranya dakwat Gestetner tidak digunakan. Tetapi sebaliknya, jika dakwat Gestetner digunakan maka penyenggaraan percuma adalah diberi selama-lamanya. Saya patut menambah bahawa tidak semua penender-penender yang telah mengambil bahagian di dalam pelawaan tender tersebut bersedia untuk memberi penyenggaraan percuma sepanjang hayat mesyins mesyins itu.

PERBADANAN JAMINAN PINJAMAN

30. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilakah Perbadanan Jaminan Pinjaman di bawah Kementeriananya akan mula menjalankan urusan;
- (b) samada penubuhan Perbadanan ini akan menimbulkan ketidaklarasan dengan teradanya Bank Bumiputra dan MARA; dan
- (c) samada Perbadanan ini benar-benar menjamin bahawa orang-orang di luar bandar akan mendapat pinjaman.

Tun Tan Siew Sin:

- (a) Perbadanan Jaminan Pinjaman telah didirikan dalam bulan Julai 1972 dan dijadual akan memulakan urusan pada 2hb Januari, 1973;
- (b) Semua bank di Negeri ini ada memegang saham di dalam Perbadanan Jaminan Pinjaman ini yang tidak akan memberi Pinjaman secara langsung,

tetapi ia hanya akan menjamin pinjaman-pinjaman kecil tertentu yang dibuat oleh bank-bank. Oleh itu, Bank bumiputra sebagai salah sebuah bank-bank tersebut akan bekerja rapat dengan Perbadanan ini. Pinjaman-pinjaman yang diberi oleh bank-bank di bawah Sekim Jaminan Perbadanan ini adalah merupakan pinjaman-pinjaman tambahan kepada pinjaman yang diberikan oleh MARA di bidang-bidang di mana permintaan untuk pinjaman ini amat banyak dan saya tidak ragu-ragu yang kedua-dua badan ini akan bekerjasama-sama dalam bidang ini;

- (c) Adalah menjadi tujuan Perbadanan ini memastikan bahawa entrepreneur-entrepreneur kecil yang menjalankan projek-projek yang menguntungkan samada di luarbandar atau di bandar, supaya mendapatkan kajian dan pembiayaan projeknya dengan sempurna. Oleh kerana bank-bank perniagaan mempunyai pejabat-pejabat cawangan yang luas dan kian bertambah di seluruh negara, dan oleh kerana pinjaman mereka yang diberikan kepada entrepreneur kecil akan dijamin oleh Perbadanan ini dengan syarat-syarat tertentu adalah dijangkakan bahawa kemudahan kredit akan diberikan kepada lebih banyak lagi bilangan peniaga-peniaga di kawasan luarbandar.

PEMILIKAN TANAH

31. Tuan Mustapha bin Hussain minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar lebih kurang 7,000 ekar tanah kita dekat sempadan negeri Thailand iaitu di Demar-Long dalam kawasan Kroh, Perak, dimiliki oleh orang-orang dari luar Malaysia yang mendapat surat-surat izin pula dari pegawai-pegawai tertentu yang bukan pegawai-pegawai Malaysia dengan menanam pokok-pokok getah dan lain-lain tanaman; jika benar, apakah tindakan yang telah diambil.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Mengikut Perlembagaan, perkara mengenai pemegangan atau pemilikan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh demikian saya mengesyorkan kepada Ahli

Yang Berhormat itu mengemukakan pertanyaan beliau kepada Kerajaan Negeri Perak.

SURAT BERISI BOM— PENYIASATAN POLIS

32. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil penyiasatan yang telah dijalankan ke atas kegiatan mengirim surat berisi bom di negeri ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pihak Polis Di Raja Malaysia dengan kerjasama Polis Antarabangsa (Interpol) masih menjalankan penyiasatan atas perkara ini. Oleh demikian hasil penyiasatan itu belumlah diketahui lagi.

BADAN PENCEGAH RASUAH— PENYUSUNAN SEMULA

33. Tuan V. Veerappen minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk menukarkan jawatan Ketua Badan Pencegah Rasuah menjadi satu jawatan menurut Perlembagaan seperti Hakim ataupun Juru Odit Negara supaya ia menjadi satu jawatan yang benar-benar bebas.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Penyusunan semula Badan Pencegah Rasuah adalah sedang dikaji pada masa ini. Buat sementara waktu, tidaklah wajar bagi saya menyatakan sebarang langkah yang telah diambil sebelum dicapai sesuatu keputusan yang muktamad.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKALKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan dengan penubuhan suatu kumpulan wang yang bernama Tabung Angkatan Tentera pengurusan tabung itu dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

Usul

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (17hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Kepala B. 15 dan P. 15—

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyambung ucapan saya semalam, sebenarnya sebelum kita tamat pada semalam, saya telah menceritakan serba-sedikit mengenai soal projek-projek perumahan yang sedang berjalan di bawah Kementerian saya ini. Berkaitan dengan itu saya telah menyatakan Pecahan-kepala 24,

37, dan 41 yang memberi bekalan sebanyak \$279,600. Ini ialah berkaitan dengan soal banciaan kayu-kayan yang dijalankan di Malaysia Barat, Sarawak dan Sabah. Kerja di Sabah dijalankan dengan bantuan Canadian Aid Programme dan di Malaysia Barat dan Sarawak dengan bantuan U.N.D.P. Tujuan khusus perprojek ini ialah bagi membolehkan Kerajaan mengetahui dengan tepatnya akan isi hutan negara dan membuat rancangan perindustrian kayu dengan menggunakan bahan-bahan yang didapati di negeri ini. Kerja di Sabah telah disiapkan dan laporan akhir sedang diusahakan di Canada dewasa ini. Kerja di Malaysia Barat dan Sarawak telah disempurnakan dan kita sekarang sedang berada di peringkat perancangan perindustrian.

Peruntukan sebanyak \$290,000 di bawah Pecahan-kepala 21 ialah kerja lanjutan dan peruntukan ini ialah bagi membeli 2 buah landrover dan sebuah "Heavy Duty Tipper Lorry", membena rumah pegawai, sebuah Maderasah dan gelanggang permainan. Peruntukan \$110,000 di bawah Pecahan-kepala 22 ialah untuk membuat kajian mendalam mengenai penanaman dan penggunaan kayu palpa dan kertas dan membuat kajian menyuburkan hutan kita supaya dapat mengeluarkan hasil kayu kayan yang lebih bermutu. Di bawah perprojek-perojek ini kerja-kerja adalah berjalan di ladang-ladang panduan untuk pokok-pokok jenis umbr di Batu Arang dan Mantin dan tanaman mengkaya dan menyuburkan (Enrichment Planting) sedang dijalankan di Tapah, Bukit Belata dan Bukit Tinggi, Bentong dan mungkin akan diperluaskan di beberapa kawasan lain.

Kerja di bawah Pecahan-kepala 23 Rancangan Kemajuan Perusahaan Hutan dalam mana peruntukan \$97,000 diperlukan ialah juga kerja lanjutan dan dijalankan dengan bantuan bangsa-bangsa bersatu. Tujuan utama tugas ini ialah merancang perusahaan negara yang menggunakan bahan-bahan kayu.

Bagi Pecahan-kepala 25 pula peruntukan \$7,100 adalah bagi meneruskan kajian atas kayu kayan yang terdapat di negara kita ini

dan mutalalamat akhir kajian ini ialah mengeluarkan sebahagian besar kertas untuk kegunaan tempatan dan dengan hal yang demikian mengurangkan impot dari negara asing.

Di bawah Pecahan-kepala 26 Peruntukan sebanyak \$125,000 adalah dimaksudkan bagi membuat kajian mengenai segala soal dan masalaah yang dihadapi oleh perusahaan-perusahaan yang menggunakan kayu di Negara ini seperti penggunaan kayu yang belum pernah digunakan dahulu, perusahaan-perusahaan kayu yang baharu dan sebagainya.

Bagi Pecahan-kepala 27 pula Peruntukan \$12,000 ialah Perbelanjaan Merancangan Jalan-jalan dalam hutan dengan tujuan mengurangkan belanja mengeluarkan kayu balak dari hutan negara. Maktab Perhutanan yang dinyatakan di bawah Pecahan-kepala 28 itu memerlukan peruntukan sebanyak \$123,200 bagi membayar harga binaan Bangunan Pentadbiran, Perkhidmatan Pembekalan Api dan Ayer dan membeli alatan bagi Maktab berkenaan.

Peruntukan \$50,000 di bawah Pecahan-kepala 35 ini ialah juga bagi projek lanjutan bagi pusat Penyelidikan Kayu dan Teknik di negeri Sarawak. Pusat ini adalah mengadakan kursus-kursus Penyelenggaraan Kilang-kilang Papan dan Jentera-jentera papan bagi belia-belie tempatan. Peruntukan \$243,000 di bawah Pecahan-kepala 36 ialah bagi projek lanjutan bersabit dengan tanaman pokok-pokok jenis "coniferous" dan penyiasatan dan pengumpulan "botanical specimen" tumbuh-tumbuhan di negeri Sarawak.

Dari jumlah peruntukan \$155,000 bagi jabatan Kajibumi \$28,000 di bawah Pecahan-kepala 46, 47 dan 50 adalah dimaksudkan bagi membeli pelbagai Alatan Saintifik bagi kegunaan Jabatan untuk memudahkan kajian-kajian dan mempercepatkan serta menentukan dengan lebih tepat lagi akan mutu dan kandungan fizikal dan kimia batu-batu dan galian yang diperolehi. Mesen-mesen pemotong batu dan galian bagi keratan halus (microsectioning) dan, pembilang mata automatik (automatic Point-Counters) bagi pemereksaan sukatisi, alatan abem Ac terrameter bagi ukuran kerintangan ke atas jenis-jenis tanah yang berlainan adalah di antara Alatan Saintifik yang diperlukan

itu. Peruntukan di bawah Pecahan-kepala 48 Pejabat dan kelengkapan sebanyak \$45,000 adalah dimaksudkan bagi membina sebuah Pejabat kawasan di Alor Star dan peruntukan di bawah Pecahan-kepala 49 dan Pecahan-kepala 56 penyiataan menentukan galian kedua-duanya berjumlah \$82,000 adalah dikehendaki bagi membuat penyiataan dan penentuan samada galian boleh didapati di sesuatu kawasan yang tertentu sebelum kawasan berkenaan dapat dilepaskan bagi kegunaan pertanian dan sebagainya.

Berhubung dengan peruntukan berjumlah \$365,810 bagi kegiatan ukur ini, sebagaimana kegiatan di bawah Perhutanan dan Kajibumi juga, peruntukan ini adalah dimaksudkan bagi projek-projek sambungan kecuali Pecahan-kepala 66 Film Processor Automatic. Pada keseluruhannya kebanyakan projek-projek Jabatan Ukur adalah mengenai penyimpanan dan pembelian alatan untuk mempercepatkan dan memodenkan kerja-kerja yang bersangkutan dengan pembukaan tanah untuk Rancangan Malaysia Kedua dan mengurangkan tunggakan-tunggakan kerja. Peruntukan tanda \$10 di bawah Pecahan-kepala 71 dan peruntukan \$40,000 di bawah Pecahan-kepala 80—Ukur Rupabumi ialah bayaran kepada surveyor of the Directorate of Overseas Survey, United Kingdom. Peruntukan tanda ini diperlukan kerana kumpulan penyukat di Sarawak telah balik ke England dan belum diketahui bila kerja ini akan disambung di negeri Sarawak.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan Belanja mengurus berjumlah \$26,491,696 di bawah Kepala B. 15 dan Belanja Pembangunan berjumlah \$55,765,180 di bawah Kepala P. 15 untuk Kementerian Perusahaan Utama diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) I would refer to page 127, Head B. 15, Sub-head I (b) & (c). Just as emphasis is being laid by the Government under the Second Malaysia Plan for the reflection of the multi-racial composition in this country in every trade or business, emphasis should also be placed for the reflection of the primary products of this country, like tin and rubber, for any tourist or visitors who sets his foot on Malaysian soil to see for himself. As the visitor steps on the Malaysian soil,

he should be able to see that he is surrounded wherever he goes by articles made out of our primary products. There is no use of telling the visitor by word that we are rich in rubber and tin. As the saying goes, "Seeing is believing"; the visitor should get impressed in his own mind by the variety of goods manufactured from rubber and tin so as to leave in him a permanent memory of the things he had seen for himself even after he goes back to his own country. The products must speak for themselves and not the Ministers speak for the products.

Now, when one looks at the rubber trees planted all over Malaysia and the tin mines operating in the various tin mining centres, one begins to wonder what is happening to the latex and the tin ore that are produced in this country. Instead of exporting rubber sheets to other countries at very low prices and buying back products made out of these very rubber sheets at high prices, the Government should spend more money on research with a view to making the entire Malaysia look like a bouncing country developed out of rubber.

Rubber production can also be increased by the use of the rubber stimulant called etherel. This etherel has been recommended for use by the Rubber Research Institute of Malaysia as being capable of increasing the yield per acre to more than twofold. Furthermore, if a factory to manufacture etherel is established in this country, it will create more employment for the people and consequently the unemployment problem will also be eased to some extent. Again, since this stimulant etherel is particularly good for the old rubber trees, the additional amount of latex collected from the increased yield, even from the old trees, could well be used to cover replanting costs and, at the same time, this will also assist the small-holders to earn some additional income. Further, experiments have also proved that the stimulant etherel can be used on fruit trees very successfully in producing more fruits and, therefore, I would urge the Government to provide more funds to carry out more research on the use of this stimulant etherel on various crops.

Similarly, instead of exporting tin ore to other countries and buying back at very high prices articles made out of this exported

tin ore, the Government should engage experts to find more use for making articles out of tin ore in this country itself with a view to exporting finished products out of tin ore and not merely exporting tin ore itself.

(Dr Awang bin Hassan *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya berdiri menyokong penuh peruntukan yang diminta atau yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Saya gemar menyentuh dalam beberapa perkara iaitu Pecahan-kepala 1 (iii) Rancangan No. 5 dan Pecahan-kepala 2, Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (M.R.D.C.), Pecahan-kepala 3, Kilang Nenas Tanah Melayu Berhad, Pecahan-kepala 4 dan Pecahan-kepala 5, Rancangan Penanaman Nenas, Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sendirian Berhad (FIMA), Pecahan-kepala 23, Rancangan Kemajuan Perusahaan Hutan dan akhirnya Jabatan Ukur.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah perkara yang pertama tadi gemar saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini dan juga ahli-ahli pentadbirannya yang tidak putus-putus mengusahakan satu rancangan supaya menaikkan harga getah kita. Bagi pihak rakyat adalah berasa lega dengan kenaikan harga getah baru-baru ini.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, atas kebijaksanaan pentadbiran Kementerian ini yang pertama sekali dengan sebab kita telah meluluskan lima Rang Undang-undang mengenai getah di Parlimen ini.

Yang kedua, kerana lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Negara-negara Eropah Timur dengan membuat perjanjian kerjasama dengan Kerajaan Russia di antara bidang saintifik. Jadi usaha yang macam ini bagi pihak Kerajaan sedar ada setengah-tengah Kerajaan tidak begitu senang atas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana kita akan menjual getah yang lebih banyak kepada negara-negara yang saya sebutkan ini.

Dalam usaha ini, kita ada sebuah badan penyelidik getah yang telah diiktiraf supaya digunakan bagi getah di Tenggara Asia ini.

Saya harap badan penyelidik ini akan berusaha dengan bersungguh-sungguh supaya mengkaji dan mendalamkan penyelidikan getah ini dengan getah-getah daripada Malaysia ini supaya dapat digunakan untuk bangunan, untuk jalanraya dan juga untuk jambatan.

Saya gemar menyatakan bahawa kita pernah menggunakan getah asli kita ini bagi lapek tempat duduk seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa yang mutunya sama dengan lapek yang ada di Parlimen ini. Kita mahu di masa yang akan datang pihak Kerajaan dan juga pihak swasta tidak lagi menggunakan mengimpot barang-barang lapek-lapek tempat duduk ini daripada barang-barang luar negeri.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, satu usaha yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan penubuhan RISDA, iaitu Lembaga Perusahaan Getah Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil. Ini adalah disambut baik oleh pekebun-pekebun kecil kita kerana hasil daripada itu selain daripada penyelidikan tadi berpeluang juga memberi pinjaman baja kepada kebun-kebun pokok yang tua-tua dan juga memproses dan memajukan pasaran getah.

Dalam masaalah ini, saya harap Kementerian ini dapat memerhatikan, sebab pembekalan baja di masa yang lalu ada kalanya baja-baja itu tak sampai kepada pekebun-pekebun kecil kita dengan sepenuhnya. Umpamanya perbadanan ini memberi peruntukan baja sebanyak 10 beg tetapi yang sampai kepada tangan pekebun-pekebun kecil hanya separuh daripadanya. Jadi masaalah ini, Tuan Pengerusi, orang-orang luar bandar mereka kurang faham dalam masaalah penerimaan yang seumpama ini, jadi telah dikelirukan. Akibatnya pokok getah itu tidak akan subur dan tidak dapat hasil yang baik.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang disinggutkan oleh pekebun-pekebun kecil kita bila mana lori-lori daripada Jabatan Penanaman Getah Semula ini enggan masuk ke kampung-kampung luar bandar dengan beberapa alasan yang tak patut diberikan kepada pekebun-pekebun kecil kita, walhal jalan itu boleh dimasuki oleh lori-lori private, tetapi lori dari rancangan ini enggan masuk ke kampung. Bila diberi bukan di

kampungnya, maka timbul macam-macam masalaah yang mengelirukan pekebun-pekebun kecil kita.

Tuan Pengerusi, dalam masalaah Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad ini, saya berterima kasih kepada Kerajaan, sebab salah satu daripada kawasan yang akan didirikan iaitu di Segamat dan juga yang telah didirikan di Gersik kilang getah hevea crumb Kerajaan akan menubuhkan 6 atau 7 buah lagi, tetapi ada satu masalaah yang timbul walaupun analisa, keputusan atau hasil getah-getah yang dikeluarkan oleh kilang mutunya baik, tetapi menjadi sungutan kepada pekebun-pekebun kecil kita dengan harga belian dibeli oleh perbadanan ini. Perbadanan ini membeli getah susu dengan dikira getah Kelas 1 pada masa sekarang 54 sen, tetapi pasaran bebas membeli getah keping, getah mentah dengan harga 58 sen. Keadaan yang macam ini pekebun-pekebun kecil mengalami kerugian pada satu kati 4 sen pada hal nilaian yang dibeli oleh kilang ini susu getah itu dikira getah Kelas 1.

Usaha yang semacam ini, saya fikir, patut Kerajaan mengkaji semula dalam masalaah pentadbiran dan potongan-potongannya itu supaya tidak pekebun kecil kita ini lari daripada menjual getah kepada rancangan yang diusahakan oleh Kerajaan sebab mereka manusia biasa, Tuan Pengerusi, tentulah lebih suka menjualkan bahan-bahannya kepada ahli-ahli perniagaan yang membeli harga lebih mahal. Dengan keadaan yang semacam itu, saya khuatir pada masa yang akan datang perbadanan ini akan kurang susu getah yang diperolehi daripada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, dalam masalaah menanam nenas, Kerajaan telah mendirikan dua buah kilang nenas di Negeri Johor, tetapi apa yang saya difahamkan bahawa telah menempuh kerugian dengan sebab kawasan-kawasan nenas yang sesuai untuk dikilangkan. Masalaah ini patut kita kaji dengan lebih luas, dengan lebih mendalam walaupun kata Yang Berhormat Menteri semalam ada rancangan menanam nenas semula. Kalau kita tak betul aturkan pada masa ini, kilang ini juga tak dapat nenas sebagaimana yang dikehendakinya. Dengan keadaan ini, kalau berpanjangan masa kerugian ini akan terkena kepada rakyat dan

juga kepada Kerajaan. Saya mengharapkan bahawa rancangan menanam nenas ini tidak boleh kita beri dengan cara perseorangan, ada lebih sesuai lebih molek menurut pendapat saya kita buat secara berkelompok dengan luas.

Saya gemar memberikan satu pandangan tempat yang sesuai ditanam nenas salah sebuah dalam Negeri Johor ialah di daerah Muar, iaitu di kawasan Ayer Hitam. Tanahnya sesuai ditanam dengan nenas dan luasnya lebih kurang 7,000 ekar. Sekiranya tanah ini dapat ditanamkan dengan nenas bolehlah petani-petani kita yang menanam nenas itu menjual nenasnya kepada perkilangan-perkilangan yang telah didirikan di Negeri Johor itu.

Dalam perusahaan hutan, Tuan Pengerusi, saya gemar mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengusahakan satu tanaman kayu yang bermutu dan kalau kayu-kayu ini tak ada dalam negeri kita, kita boleh pesankan benih-benih kayu yang bermutu daripada negeri luar.

Yang keduanya, kalau negeri kita mempunyai benih-benih kayu yang bermutu tinggi, kita boleh semai dan benih ini kita akan hantar ke luar negeri. Saya harap dalam masalaah kayu ini satu perkara kayu yang buat anak mancis sekarang sangat kurang dalam negeri kita. Kita terpaksa membeli kayu daripada luar negeri dan juga kayu jati, ini juga kurang dalam negeri kita. Masalaah yang semacam ini patut kita kaji balik kalau kayu ini sesuai ditanam di hutan kita, kita akan tanam supaya dapat menambahkan khazanah hutan kita pada masa hadapan.

Satu perkara lagi dalam masalaah bahan hutan, Tuan Pengerusi, saya gemar memberikan satu pendapat kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, iaitu kita patut mengkaji jenis buluh yang ada dalam negeri kita dan juga jenis rotan yang ada dalam negeri kita, dan juga jenis damar. Pada masa ini buluh ini terbuang begitu sahaja dan setengah-tengahnya dijual mentah keluar negeri dengan harga yang begitu murah termasuklah juga rotan. Kalau boleh kita kaji, kita selidik bahan-bahan yang saya sebutkan ini kita proses, kita adakan perkilangan dan kita jual bahan-bahan ini dengan harga yang lebih baik dan dapat pula

rakyat negeri ini bekerja di kilang-kilang untuk perkara bahan-bahan yang saya sebutkan ini.

Bahan-bahan ini, Tuan Pengerusi, kita boleh gunakan untuk alat perabot rumah, alat pejabat, alat permainan kanak-kanak dan alat sukan dan sebagainya. Saya suka beri contoh iaitu joran kail yang dikeluarkan oleh Jepun itu sama bentuk buluh yang ada dalam negeri kita. Kita boleh jual satu joran kail itu sampai \$30, tetapi di Malaysia ini kita boleh jual dengan harga \$1. Kalau usaha macam itu kita majukan akan dapat menambahkan hasil negara dan dapat menambah mata pencarian hidup penduduk luar bandar sebab menanam buluh itu satu usaha yang sangat mudah, ia boleh hidup di mana juga.

Tuan Pengerusi, dalam masaalah penyelidikan. Saya mengesyorkan supaya Kerajaan menggalakkan pembinaan bangunan pejabat-pejabat Kerajaan dan juga bangunan swasta dalam negeri ini menggunakan kayu-kayu dalam negeri ini. Kita tak perlu lagi mengimpor kayu-kayan daripada luar untuk mendirikan bangunan-bangunan, negeri kita kaya dengan kayu-kayan. Dengan keadaan yang semacam ini, kita buat keputusan yang tegas supaya bangunan-bangunan di dalam negeri ini samada didirikan oleh Kerajaan atau swasta patutlah menggunakan bahan kayu tempatan.

Dalam masaalah Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Berhad, saya ingin memberikan pandangan kepada Menteri yang berkenaan selain daripada usaha makanan manusia, patut kita membuat satu usaha mengilang bahan makanan binatang, sebab pada masa sekarang bahan-bahan makan binatang sangat mahal. Jadi bila rakyat hendak mengusahakan ternakan terpaksa membeli barang-barang yang mahal dan ada di antaranya yang terpaksa berhenti menjalankan perusahaan itu. Saya mengharap supaya Kementerian ini membuat satu kilang memproses barang makanan ternakan seperti ayam, itik, dan sebagainya iaitu dengan mengadakan suatu kawasan bertanam jagung umpamanya dan daripada jagung itu kita boleh jadikan bahan-bahan makanan binatang. Kita tak kurang bahan barang makanan binatang, kita boleh dapat dedak padi begitu juga ikan-ikan dengan mudahnya dalam negeri ini.

Keduanya, kita patut menanam rumput untuk makanan binatang, bukan sahaja kegunaan haiwan dalam negeri kita tetapi juga boleh dijual keluar negeri. Usaha semacam ini patut dikaji semula oleh Kementerian ini terutama dalam masaalah mengadakan kilang makanan binatang yang saya sebutkan itu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, dalam masaalah Jabatan Ukur. Tiap-tiap negeri di Malaysia ini ada Pengarah Juru Ukur, mungkin juga tiap daerah. Tetapi Jabatan ini mengeciwakan rakyat dengan kelambatan ukur di atas tanah masing-masing bagi mendapatkan geran. Jabatan ini juga telah mengagalkan rancangan yang dipohonkan oleh rakyat sebab memakan masa berpuluh tahun baharu selesai. Sebagai contoh. Derah Muar, Kerajaan telah mencadangkan Rancangan G.S.A. sebanyak 16 rancangan luas tanahnya 22,000 ekar, tetapi yang dapat diberikan kepada rakyat hanya berjumlah 8,000 ekar sahaja. Ini berlaku di Muar. Mungkin juga berlaku di seluruh negara kelambatan ini telah berlaku dalam Jabatan Ukur. Saya tak tahu apa punca dan sebabnya terjadinya demikian. Jabatan ini juga pernah membuat amalan yang merugikan wang rakyat dan Kerajaan iaitu beribu-ribu ringgit wang itu terbuang sia-sia. Kerana mereka mengukur dan menanam batu sempadan di tanah Rancangan G.S.A. didapati pada akhirnya tanah itu tak sesuai bagi tanaman, kerana rendah dan rancangan itu dibatalkan. Kerajaan telah berbelanja kerana mengukur dan menanam batu dengan berpuluh ribu ringgit, tetapi rancangan itu dibatalkan kerana tak sesuai dengan keadaan tanah. Saya harap, pada masa yang akan datang kejadian semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Satu contoh yang lebih jelas lagi iaitu di Melepong Hang Tuah, di Tangkak, 1,200 ekar lebih kurang, di Parit Bubuk 500 ekar, di Kampung Tui bagi orang India 500 ekar. Apabila telah diukur, sudah ditanam batu, tanah itu diberikan pada peserta, tanah itu tidak boleh ditanam kerana banjir dan sentiasa berair. Dengan keadaan ini, nampaknya Jabatan ini telah dikelirukan, saya tak tahu Jabatan mana yang mengelirukan. Hal macam ini juga patut diperhatikan.

Lagi satu perkara mengenai Juru Ukur ini ada dua jenis. Satu juru ukur Kerajaan dan satu lagi juru ukur private. Saya harap kalau Kerajaan hendak menyegerakan rancangan tanah yang seluas satu juta ekar dan hendak diberikan kepada 100 ribu manusia hendaklah diberikan pada perbadanan Kerajaan atau separuh Kerajaan atau swasta diarahkan juru ukur private dan pada tanah-tanah yang dipohon oleh rakyat yang miskin kita gunakan juru ukur Kerajaan. Jadi dengan keadaan macam ini dapatlah kita lancarkan rancangan Kerajaan dengan sempurna. Setakat itulah yang dapat saya ucapkan dan saya ucapkan terima kasih.

Dr Tan Chee Khoo (Batu): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sepatah dua tentang peruntukan yang dikemukakan oleh Menteri Perusahaan Utama.

Pertamanya, saya hendak sentuh tentang Jabatan Ukur. Di dalam buku biru ini, muka surat 228 ada Beban-kerja (Kiraan Lot), Kerja kebelakangan (Luar dan Pejabat) pada tahun 1971 ialah 421,294; pada tahun 1972 437,484; pada tahun 1973 456,384. Ini menunjukkan makin lama makin bertambah kerja kebelakangan atau backlog. Kerja-kerja baharu diterima pada tahun 1971 604,887; 1972 sebanyak 68,650; tahun 1973 69,150 begitu juga ini menunjukkan kerja baharu makin lama makin bertambah. Kerja selesai pada tahun 1971 ialah 48,687; tahun 1972, 49,750; tahun 1973 49,750 dan Kerja kebelakangan di akhir tahun, 1971, 437,484; tahun 1972; 456,384; tahun 1973, 475,784.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, if I may comment on the figures that I have already quoted, one is that the backlog increases every year. The new work that is received also increases, but what is very alarming, Mr Chairman, Sir, is that the work which is carried out, or kerja diselesaikan, does not match up with the requests that are made, as has been pointed out just now by the Member for Muar Utara with the result that the backlog increases every year. Mr Chairman, Sir, a little lower down the page, we are told that there is an electronic computer and this is supposed to mencepatkan kerja as the Minister himself has pointed out. But far from mencepatkan kerja, or

aeroplane and took all the aerial photographs that he needed in just one day. I mention this incident just to show how absurd and undesirable, unnecessary control can become when it is not done intelligently.

I would like to conclude, Sir, with a suggestion that a study mission be sent to Hawaii to study the pineapple and the tourist industries there. On my recent trip to the United States of America, I was most impressed with the scale and the efficiency with which the pineapple industry is run in that country. We can learn from the Hawaiians. All the same, it was good to hear that our Malaysian pineapple has now made such an impact by virtue of its superior taste and texture that the whole world is taking stock of it and the Hawaiians are complaining that they may have to close down their pineapple industry because of the competition posed by the Malaysian pineapple.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Kementerian Perusahaan Utama ini dan terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan juga tahniah serta syabas kepada Menteri yang berkenaan, oleh kerana kalau kita perhatikan ucapan beliau semalam di dalam Dewan ini, kita dapat tahu baharu setahun Kementerian ini ditubuhkan, satu langkah yang cukup sesuai dapat diambil iaitu harga getah telah dapat distabiliskan di dalam negeri ini selepas kelulusan Rang Undang-undang berkenaan getah di dalam Dewan ini.

Kita dapat tahu bahawa harga getah sekarang sudah naik hampir 60 sen sekati. Saya berharap harga getah boleh dapat dikekalkan atau dapat distabilkan dan saya sebagai seorang Wakil Rakyat dari luar bandar yang mana dalam kawasan saya adalah banyak pekebun-pekebun kecil dan pada masa ini mereka itu sangatlah bergembira hingga mereka mengatakan Kerajaan Perikatan adalah Kerajaan yang cukup menjaga ekonomi negara kita. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang pun bersetuju dengan pandangan saya ini.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit dalam pentadbiran di bawah Aktiviti (c) Penyelidikan,

Tafsiran, Bekalan dan Perancangan. Saya suka dalam perkara ini menyebutkan iaitu di bawah Kementerian ini kita dapat tahu banyak usaha-usaha dan langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian ini yang mana kita mencarikan pasaran luar negeri, dan baharu-baharu ini kita dengar nasihat dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita begitu juga semalam kita dengar ucapan dalam satu pembukaan seminar oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menasihatkan negeri-negeri luar itu, kalau dapat menanam modal di dalam negeri kita atau yang ada hubungan perdagangan dengan kita mestilah ingat juga, bukanlah mencari wang sahaja, tetapi hendaklah juga ingat masyarakat di dalam negara kita ini. Jangan cuma mahu ambil wang keluar negeri sahaja tetapi hendaklah ingat juga mengenai masyarakat di dalam negara kita ini. Ini saya ingat satu amaran (warning) atau nasihat yang cukup baik oleh kerana saya suka menyentuh berkenaan masalah ini ialah oleh kita dapat tahu Jepun sebuah negeri yang cukup maju di dalam negara Asia ini dan kalau negeri Jepun ini pada masa dahulu kita kata satu aggressor di dalam wilayah Asia ini dan juga kita dapat tahu sekarang mereka ada buat hubungan perdagangan dengan kita dan kita berharap supaya mereka tidak membuat banyak kilang-kilang tiruan (synthetic) di negeri kita, kalau buat banyak, barangkali akan menghalangkan perusahaan getah di negeri kita ini. Di sini saya berharap di bawah Kementerian Perusahaan Utama ini hendaklah kita berusaha dengan lebih giat lagi terutama negeri-negeri yang lain khususnya negeri-negeri yang pro-kominis dengan kita. Saya berharap di masa hadapan barangkali pasaran untuk barang-barang utama di negeri kita ini boleh dapat dimajukan lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sedikit dalam pentadbiran am iaitu di bahagian (f) Pengeluaran Surat Milik Tanah. Ini saya suka memberitahu bahawa ada satu perkara telah timbul beberapa lama dahulu khususnya di kampung-kampung baharu dan mereka itu berharap dalam masa yang pendek mereka boleh mendapat hak milik tanah. Berkenaan bayaran ukuran, saya berharap boleh dapat direndahkan juga oleh kerana saya dapat tahu, kalau dapat diukur satu lot rumah itu, mereka kena membayar \$180. Ini sangat tinggi. Saya berharap

Kementerian ini boleh menimbangkan dan merendahkan pembayaran ini.

Di sini saya suka bercakap berkenaan dengan petroleum di negara kita ini. Baharu-baharu ini kita dapat tahu petroleum ialah satu perusahaan yang baharu dan kalau dapat dimajukan, atau ditadbirkan betul-betul, banyak yang kita boleh dapat faedah untuk negara kita dan saya berharap pada masa hadapan barangkali di satu hari kita akan dapat menggunakan petroleum ini dengan harga yang murah untuk semua rakyat di dalam negara kita ini.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian bercakap dalam bahagian Kementerian ini terutama sekali berkenaan hal kehutan.

Saya sangat tertarik hati bahawa nampaknya kemajuan perusahaan hutan iaitu kayu-kayan sekarang ini terlalu maju dengan pesatnya dan kayu-kayu yang kita keluarkan daripada hutan—Malaysia ini kebanyakannya diimpot ke luar negeri dan tidak banyak diusahakan di dalam negeri sendiri untuk kepentingan negeri dan rakyatnya sendiri. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, kalau perlumbaan perusahaan kayu-kayan ini akan lebih pesat lagi dan tidak adanya satu-satu quota eksport kayu-kayan ini, tentulah di satu masa kelak kayu-kayan kita dan hasil-hasil hutan yang perlu di Malaysia ini akan berkurangan dan kehabisan dan akhirnya kita sendiri akan mengadakan perusahaan impot kayu-kayan daripada luar negeri ke Malaysia ini. Sungguhpun saya dapat tahu dari Sabah dan Sarawak banyak lagi hutan-hutan, tetapi di Malaysia Barat dengan adanya rancangan-rancangan baharu, umpamanya rancangan Johor Tenggara dan Pahang Tenggara tentulah sekali akan melibatkan banyak kayu-kayan dan hasil-hasil hutan akan berkurangan. Bukan sahaja kayu-kayan dan hasil-hasil hutan akan berkurangan, tetapi juga saya bimbang keadaan hawa di Malaysia ini akan berubah. Lihatlah bagaimana berlakunya perubahan beberapa tahun yang kebelakangan ini air bah dan banjir melanda negeri kita dengan begitu dahsyatnya. Kalau kita tidak ada perusahaan mengawal hutan rimba kita yang ada di Malaysia ini bukan sahaja seperti saya katakan tadi kayu-kayan akan berkehabisan dan keadaan hawa juga akan berubah.

Tuan Pengerusi, saya syorkan supaya pihak Kementerian ini akan menyelidiki banyak mana quota-quota kayu yang harus dikeluarkan dari satu masa ke satu masa dan menyelidiki pula kepentingan kayu-kayan itu pada tiap-tiap buah negeri, umpamanya saya beri misal oleh sebab ada dua rancangan besar iaitu rancangan tanaman tebu sebanyak 20,000 ekar, 10,000 ekar daripada FELDA dan 10,000 ekar daripada Perlis Plantation Sendirian Berhad sudah hampir habis kesemuanya hutan dan kayu-kayan dalam negeri ini dan saya dapati semenjak hutan rimba itu ditebang dan ditebas dan hasilnya sudah diambil, maka harga kayu bagi orang-orang kampung untuk membuat rumah dan bangunan-bangunan sudah menjadi melambung sekali ganda ataupun dua kali ganda. Dengan sebab itulah usaha mengawal melalui tiap-tiap negeri hendaklah diadakan supaya kayu-kayan ini tidak berlebihan sangat diekspot ke luar negeri. Dan di sini juga saya suka menyeru tiap-tiap orang yang ingin mendapat lesen perusahaan kayu-kayan itu hendaklah terdiri kalau boleh orang-orang yang berminat betul-betul hendak mengusahakan kayu-kayan, bukan kerana hendak menumpang nama untuk mengambil keuntungan tuntutan \$2 atau \$3 itu sahaja bagi satu tan kemudian diserahkan kepada orang lain untuk diekspot ke luar negeri. Maksud saya supaya kayu-kayan yang akan dikeluarkan lesen kelak hendaklah kepada orang-orang yang benar-benar berminat untuk perusahaan kayu yang ada kilang kayu dan ingin mengadakan kilang kayu-kayan kerana kawasan kayu-kayan itu diberikan kepadanya. Mudah-mudahan dengan adanya tindakan yang begini maka harga kayu-kayan dapat dikawal dalam negeri kita ini sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyebutkan di Dewan yang mulia ini iaitu berhubung dengan perusahaan getah. Sekarang ini apa yang saya tahu bahawa kebun-kebun getah kepunyaan asing telah pun dibeli oleh orang-orang dalam negeri ini sendiri dan ada saya dapat tahu bahawasanya orang-orang di Malaysia ini telah dipergunakan oleh orang-orang di luar negeri untuk membeli estet-estet yang besar iaitu tukar tangan daripada orang asing kepada orang dalam negeri ini, tetapi pada hakikatnya kepunyaan orang asing. Juga saya dapat tahu sebuah bank yang ada di negara jiran kita telah mengeluarkan wang

pinjaman yang banyak bagi membeli tanah-tanah kebun getah dan apa sahaja yang diusahakan oleh Kerajaan pada hari ini termasuk apa-apa barang yang diusahakan oleh PERNAS dan sebagainya yang mengalir kepada tangan bumiputra sekarang ini telah dibeli oleh pihak-pihak yang tertentu untuk melumpuhkan rancangan Kerajaan kita pada masa sekarang ini.

Saya berharap supaya pembelian atau penjualan tanah pada masa hadapan hendaklah diawasi sekurang-kurangnya mendapat kebenaran daripada Kerajaan terlebih dahulu untuk menukar nama dari satu nama kepada satu nama, seboleh-bolehnya pihak Kerajaan sendiri hendaklah mengambil inisiatif untuk membeli tanah itu dan dibahagi-bahagikan kepada rakyat yang dahagakan tanah dan bolehlah juga dimasukkan di dalam rancangan FELDA tanah itu dimasukkan kepada peserta-peserta yang ingin menyertai dalam mana-mana kebun getah. Saya rasa dengan rancangan ini akan terselamat tanah estet dan tanah yang berguna untuk kepentingan negara dan rakyat negara ini sendiri.

Saya berbalik kepada kebun getah. Saya juga tertarik hati kepada ucapan-ucapan daripada kawan-kawan kita tadi yang menyeru Kerajaan supaya diadakan berbagai-bagai rancangan bagi memproses getah asli di dalam tanahair kita ini. Saya juga sama-sama menyeru kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan rancangan-rancangan seperti ini seberapa segeranya. Umpamanya pihak Kerajaan patutlah memikirkan selain daripada faktori-faktori yang banyak, tetapi haruslah juga dibuat faktori yang dinamakan cottage industry iaitu untuk memberi bahan pekerjaan kepada lebih banyak lagi kaum wanita dalam negeri ini kerana barang-barang ini kebanyakannya kita impot dari negeri Jepun, dari negeri Cina dan dari negeri-negeri yang lain untuk permainan kanak-kanak dan untuk berbagai-bagai macam kegunaan dalam negeri ini. Kalau sekiranya kita adakan cottage industry dalam negeri kita ini, saya rasa bukan sahaja pemuda-pemuda yang sekarang ini sudah banyak dapat pekerjaan di faktori-faktori, tetapi kaum wanita kita di kawasan-kawasan luar bandar akan dapat mengambil bahagian bersama-sama.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan sedikit soal penyiasatan kaji bumi. Saya tidaklah hendak bercakap dalam hal ini, tetapi saya berseru kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan penyiasatan bukan sahaja penyiasatan mengenai bijih, soal-soal yang lain, minyak dan sebagainya, tetapi perlulah dikaji kegunaan tanah di satu-satu tempat, survey berkenaan dengan kegunaan tanah, ada kemungkinan mengadakan perusahaan tembikar, mengadakan kilang cermin dan sebagainya dan saya rasa di Malaysia kita ini boleh dibuat perusahaan itu. Saya beri satu misal macam di negeri Perlis, sebagaimana saya sebutkan beberapa tahun yang lalu bahawa ada tanah-tanah yang boleh dijadikan perusahaan tembikar secara besar-besaran dan juga ada tanah yang kita hantar untuk dinilai yang boleh dibuat gelas yang cantik sekali di seluruh dunia ini.

Saya berseru kepada pihak yang berkenaan supaya mengadakan satu kumpulan bagi menyiasat apa-apa yang tersebut itu supaya keadaan tanah di satu-satu tempat itu dapat diproses jadikan perusahaan bukan sahaja untuk tanaman-tanaman.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan): Tuan Pengerusi, suka saya mengambil bahagian menyokong dalam membincangkan anggaran bagi Kementerian Perusahaan Utama dalam peringkat Jawatankuasa ini. Saya ingin bercakap lebih ringkas daripada kawan-kawan yang lain.

Tuan Pengerusi, yang pertama, saya ingin menyebut tentang Kepala P. 15 berhubung dengan Kemajuan Getah, Kepala-kecil 2.

Tuan Pengerusi, saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat yang lain juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian ini yang benar-benar berusaha untuk meninggikan harga getah dan bagaimana yang telah dicakapkan pada masa-masa yang lalu iaitu penyusunan semula dalam Akta Getah itu akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan sekarang hasilnya adalah sudah sedikit demi sedikit nampak dan dapat dirasai oleh rakyat dalam negara kita.

Walaupun begitu, perlulah sedikit sebanyak pihak kita memberi pandangan dan fikiran. Mudah-mudahan pada masa yang akan datang akan lebih bertambah kenekmatan hidup diperolehi oleh pekebun-pekebun getah terutama pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, sekarang ini walaupun harga getah telah naik, tetapi keadaan pekebun-pekebun kecil di peringkat kampung-kampung masih berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Pertama sekali ialah kerana mereka tidak dapat menyelenggarakan perbuatan getah dengan lebih sempurna mengikut yang dikehendaki oleh pasaran dunia dan pasaran dalam negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin meminta kepada pihak yang berkenaan dalam bidang ini khasnya Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia ataupun sebagainya supaya memikirkan hal ini agar pembuatan lebih cermat dapat dilakukan oleh pekebun-pekebun kecil di kampung-kampung dengan memberi sedikit sebanyak bantuan selain daripada usaha-usaha mengadakan perkilangan dan kilang-kilang yang besar yang diselenggarakan oleh pihak yang berkenaan ini.

Tuan Pengerusi, amat baik sekiranya dapat dibuatkan satu cara yang baharu iaitu dengan mengadakan satu rancangan di mana pekebun-pekebun kecil harus dibenarkan untuk menjadi pemegang syer dalam syarikat yang dikendalikan oleh Kerajaan dalam bidang ini di mana kebunnya adalah menjadi saham mereka di sana. Ini satu cara supaya dapat perbadanan yang berkaitan dengan getah ini menyelenggarakan dan membuatkan getah itu dengan lebih sempurna dan bermutu sesuai dengan kehendak-kehendak pasaran.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, ingin saya menyebutkan tentang Pecahan-kepala 21 iaitu berhubung dengan perkara Hutan. Dalam masaalah perhutanan ini hendaklah kita mengambil perhatian bahawa usaha mengeluarkan hasil-hasil hutan sekarang ini cukup hebat dijalankan di negara kita ini. Dari segi mendatangkan hasil ini adalah baik, tetapi haruslah dikaji dengan lebih cermat agar cara penggantian atau replanting untuk tanaman hutan ini diselenggarakan oleh pihak Kementerian Perusahaan Utama

ini agar hasil kita pada masa yang akan datang tidak akan berkurangan walaupun kita telah mengeluarkan balak ataupun hasil-hasil hutan akan kita keluarkan lagi pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, ada juga rancangan-rancangan yang dijalankan di bawah penyelidikan dan sebagainya yang dilakukan oleh pihak Kementerian ini berhubung dengan penggantian barang-barang ataupun tanaman-tanaman hutan ini, cuma yang saya nampak ialah tidak begitu banyak diadakan percubaan-percubaan, apatah lagi setengah percubaan itu adalah didatangkan daripada luar negeri semata-mata. Saya ingin menyebutkan satu perkara yang perlu diambil perhatian bahawa bahan-bahan dalam negeri pun boleh juga dijadikan satu percubaan tanaman untuk dijadikan besar-besaran. Seperti yang kita tahu di negara kita ini banyak mengeluarkan kayu-kayu misalnya kayu geharu, kayu candan ataupun cendana di mana ini mendatangkan hasil banyak juga, tetapi pokoknya tidak ada dan payah benar untuk mencarinya di dalam hutan. Kalaulah dapat kita adakan satu ladang untuk pokok-pokok ini misalnya kayu candan ataupun cendana diadakan satu ladang supaya dapat kita keluarkan hasil itu dan hasilnya akan dapat menguntungkan negara kita di masa akan datang. Ini satu perkara yang harus difikirkan dan saya dapat tahu pokok ini tidak begitu lambat untuk mengeluarkan hasil, sebab dia dikatakan pokok subur yang cepat mengeluarkan hasil. Ini terserahlah kepada penyiataan boleh dijalankan oleh pihak Kementerian sendiri. Begitu juga pokok-pokok yang lain seperti pokok geharu atau pokok yang lain lagi yang ada;—yang telahpun ada di dalam negara kita cuma dia ada di dalam hutan dan tidak diadakan satu ladang untuk dapat mengeluarkan dengan lebih banyak.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam bidang perhutanan ini haruslah dikaji supaya pengusaha-pengusaha Melayu yang menjalankan perusahaan pembalakan ini haruslah dijalankan, haruslah diselenggarakan dengan lebih baik supaya orang Melayu dapat menjadi pembalak-pembalak yang sempurna sebagaimana kata sahabat yang lain tadi bahawa ada pengusaha-pengusaha Melayu yang memang mempunyai lesen semata-mata, tetapi tidak menjalankan perusahaan yang sempurna. Itupun ada baik

juga sebab itu mendatangkan pendapatan bagi mereka, cuma kurang baik sebab mereka tidak dapat mengusahakan sendiri bahkan bergantung kepada orang lain. Kementerian ini hendaklah mengambil perhatian agar orang-orang Melayu dapat berkecimpung sama dalam bidang pembalakan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini, saya ingin menyebutkan juga tentang kedudukan Hutan Simpan. Setengah-setengah tempat Hutan Simpan adalah terlampau berdekatan dengan bandar dengan sebab menyenangkan pihak yang berkenaan untuk menjalankan penyiataan, menjalankan tanaman dan menjalankan pemeriksaan. Saya berpendapat bahawa Hutan-hutan Simpan yang diselenggarakan oleh pihak yang berkenaan haruslah dijauhkan sedikit daripada bandar-bandar. Saya bagi contoh, Tuan Pengerusi, misalnya di tempat saya sendiri yang berhampiran dengan bandar yang mana patut dijadikan kampung, tetapi dijadikan hutan simpan iaitu kawasan Bukit Baok dan memang pihak Jabatan Hutan ada mengadakan pengajaran ataupun membuat satu penyiataan dan sebagai di sana. Saya rasa tempat-tempat seperti ini haruslah dipinda supaya kedudukan Hutan-hutan Simpan untuk maksud yang tersebut dijauhkan sedikit daripada bandar dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengan bandar haruslah kita buat rancangan yang lain yang lebih menguntungkan dan lebih memodenkan agar tempat yang berkenaan itu menjadi kawasan bandar ataupun kawasan yang boleh diduduki oleh orang ramai.

Tuan Pengerusi, pada akhirnya, ingin saya mengingatkan Kementerian yang berkenaan berhubung dengan galian iaitu di bawah Pecahan-kepala 46 di mana keadaan galian sekarang kita berkurangan, maka haruslah penyiataan dilaksanakan dengan lebih rancak agar kita dapat banyak hasil galian dikeluarkan dari negeri kita ini.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang galian ini juga mengenai kecergasan orang-orang Melayu ataupun bumiputra mengambil bahagian dalam bidang galian ini adalah kurang benar dan saya harap dengan kerjasama Kementerian ini haruslah dapat dijalankan agar orang Melayu dapat cergas sama dalam bidang galian iaitu bijih besi, bijih timah dan sebagainya.

Akhirnya, saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian atas perkara ini.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang cukup menggalakkan dan atas teguran-teguran mereka yang saya anggap cukup membina.

Saya cuba hendak menjawab satu persatu perkara-perkara yang mereka telah bangkitkan dan saya dapati tadi ada dua tiga perkara yang telah termasuk dalam tanggungan rakan-rakan saya dalam Kementerian lain. Saya mohon izin menjawab dalam bahasa Inggeris mana-mana yang perlu.

Mula-mula sekali Ahli Yang Berhormat dari Ipoh yang telah bertanya mengapa kalau seorang tourist datang ke Malaysia, mereka itu tidak dapat satu kesan yang cukup terang bahawa kita di Malaysia ini adalah satu negara yang mengeluarkan getah dan bijih timah dengan cukup banyak. To quote him, Sir, he says that "the products should speak for themselves, not the Minister for the products". I am in complete agreement with his views, but I would like him to be more observant, particularly if he were to imagine what would happen if a tourist were to enter our local hotels. I am sure he will be impressed by the fact that he is sleeping on a natural rubber Dunlop bed and a natural rubber pillow. I am quite confident that during his short tour of Malaysia he may be able to see a few things made from pewter.

No doubt, Sir, that we have not manufactured products out of rubber and tin to the big extent that he would like it to happen, but the matter has really commanded Government's attention much more now than in the past. I think we are in the threshold of being able to encourage industries that will use more of our local raw materials in Malaysia. Only lately I had the privilege of seeing someone I met in Italy to make certain arrangements to produce threads from natural rubber and he is very confident that when this rubber thread factory is completed, associated industries like the manufacture of golf balls will almost automatically follow and so will garments and fibers which use to a great extent the natural rubber thread.

This is only an indication of what kind of weight we put to our efforts to get overseas people to put in their technology in the development of industries which will use our local materials to a great extent.

The Honourable Member for Ipoh also advocated the greater use of ethrel. I am quite cautious about this matter, Sir, for the simple reason that my own belief on the use of ethrel is that it should be properly synchronised with our overall marketing concept, i.e. I would like to see ethrel or some other stimulants to be used as buffer supply stimulants. We have been just out of a situation where we produced very much and where the world demand did not take up the supply as fast as we wanted to. Nevertheless, Sir, I agree that efforts should now be taken more and more into the use of rubber and tin for the production of manufactured goods. As I have mentioned in my opening speech, concrete efforts have been made in this direction; and in answer to an oral question by the Honourable Member for Seremban Timur today, I had just told him what steps the Government has taken in this direction.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telahpun menyentuh soal RISDA dan telah memberi saya suatu pandangan dan ingatan supaya baja-baja yang diberi kepada pekebun-pekebun kecil hendaklah cukup dijaga supaya jangan berkurangan dan cara menghantarkan baja ini tidak akan membebaskan pekebun-pekebun kecil. Saya berterima kasih atas teguran ini dan saya akan mengarahkan RISDA, terutama sekali cawangan nurseries services dan transportnya yang bertanggungjawab untuk membeli dan memberi baja-baja ini supaya mengambil perhatian yang penuh kepada masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara tadi.

Saya telah juga diberi tahu bahawa harga yang ditawarkan oleh S.M.R. kepada pekebun-pekebun kecil adalah sangat rendah kalau dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh pihak swasta. Sambil saya tidak menolakan bahawa kemungkinan ini mungkin akan berlaku dan sudah ada berlaku di satu-satu kawasan, saya percaya bahawa harga yang ditawarkan oleh S.M.R. itu telahpun berasas kepada satu kira-kira yang tertentu iaitu kira-kira yang telah mengambil timbangan atas cost pengangkutan, cost perkhidmatan mengenai pemasaran getah itu

dan memanglah menjadi dasar M.R.D.C. tidak akan mengambil untung setinggi-tinggi seperti pihak swasta. Jadi saya rasa kalau ada perkara yang berlaku seperti yang telah dinyatakan itu tadi, maka saya memanglah sangat suka hendak mendapat complaint supaya tindakan tegas dapat diambil.

Pada masa sekarang ini, Tuan Pengerusi, kita sedang menempuh banyak masalah mengenai soal pemasaran nenas. Ini berbangkit terutama sekali kerana pada pertama kalinya kita menempuh satu kemungkinan pasaran besar bagi nenas kita iaitu United Kingdom akan memasuki di dalam Persekutuan Pemasaran Eropah dan kemungkinan memanglah ada bahawa nenas kita akan dikenakan cukai yang sangat tinggi. Oleh sebab itu, maka susahlah bagi saya hendak mengambil satu assessment yang betul terhadap segala usaha-usaha yang dijalankan oleh P.C.M. kita. Kalau dikatakan P.C.M. tidak mengambil langkah yang cukup berat mengapakah pula segala cannery-cannery lain pun menempuh masalah yang sama demikian.

Kita juga ada menjalankan berkaitan dengan selective reafforestation of species iaitu memilih mana-mana jenis kayu yang baik supaya dipelihara, dapat tumbuh di dalam tempat-tempat yang sudah dipotong itu dan meracun atau membunuh kayu-kayu yang tidak akan memberi faedah ekonomi.

Mengenai hasrat kita hendak melebarkan lagi hasil-hasil kayu kita, memanglah kita telah berusaha hendak mendapatkan benih-benih jenis kayu daripada luar negeri, terutama sekali jenis kayu yang memberi pendapatan yang lebih banyak, seperti the pine species dan jenis-jenis lain alkaria dan kita pun ada juga mencuba hendak menanam teak ataupun jati. Mengenai jenis yang kedua, mula-mula saya sebut tadi, kita sedang berusaha di dalam Pahang dan sebuah tempat lain di Negri Sembilan. Dan mengenai percubaan menanamkan teak, kita telah jalankan di Perlis sekarang ini, kerana hawa di sebelah Selatan Perlis tidak mengizinkan kita menanamkan teak. Ini bukan bererti kita hanya membinakan jenis-jenis daripada luar negeri sahaja. Usaha-usaha mendapatkan jenis-jenis daripada luar negeri ini adalah sebagai tambahan kepada usaha-usaha kita hendak menyuburkan species tempatan yang akan memberi untung.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara juga menasihatkan supaya soal mengimpot kayu mestilah diperhatikan dengan baik-baik. Sebagai jawapan, saya menyatakan kita dalam Malaysia ini adalah sangat strict atas soal mengimpot kayu. Pada masa sekarang ini sungguhpun ada pressure terhadap Kementerian kita, kita memang bertegas tidak mahu mengimpot kayu sehingga kita ketahui sumber-sumber kayu kita sendiri tidak cukup untuk menampung keperluan perusahaan-perusahaan kita dalam negeri ini.

Beberapa nasihat telah datang daripada Yang Berhormat—Yang Berhormat meminta supaya kegunaan kayu tempatan patutlah digalakkan di dalam kegunaan hari-hari kita. Misalnya di dalam membangunkan bangunan dan perkakas-perkakas. Saya memang setuju dengan nasihat ini. Sebenarnya langkah-langkah telahpun dijalankan. Mengenai soal pembangunan, satu usaha sedang dijalankan untuk meminta Building By-laws kita supaya kita ada cara untuk menggalakkan kegunaan kayu-kayan tempatan untuk membuat bangunan kita sendiri.

Satu daripada masalah P.C.M. sekarang ini ialah masalah buah yang semakin sehari semakin bertambah kecil, kerana pohon nenasnya makin sehari bertambah tua. Dengan sebab itu kita percaya bahawa tidaklah dapat kita elakkan lagi bahawa satu replanting scheme mestilah dilancarkan dengan secepat-cepatnya supaya kita akan dapat tanaman yang lebih baru dan kita akan dapat nenas yang cukup besar dan tidak akan menyusahkan operasi fekteri kita yang di Johor itu.

Ramai Ahli-ahli telah mengesyorkan supaya kita tidak akan memotong kayu-kayan dengan sebarangan dan supaya jangan pada satu masa Malaysia ini tidak akan mempunyai kayu lagi untuk kegunaannya sendiri. Saya memanglah menerima nasihat ini dengan cukup jujur, kerana saya fikir asas dasar dalam negara ini mestilah tertumpu kepada soal conservation ataupun menyimpan kekayaan hutan kita ini, saya percaya kalau kita pandai merancang cara-cara kita menggunakan hasil-hasil hutan kita, kita akan dapat mengeluarkan bahan-bahan kayu-kayan ini dengan terus-menerus dan tidak akan kerugian sama sekali, kerana kalau kita menggunakan the perpetual yield

cycle dalam 60 tahun kita boleh akan mempunyai bekalan-bekalan kayu yang cukup pada masa yang akan datang. Maka dengan tujuan itulah banyak peraturan-peraturan yang telah dikenakan oleh Pejabat Perhutanan kita supaya dalam memotongkan kayu-kayu mestilah ada sukatan dijalankan supaya kayu yang boleh menjadi besar tidak akan dipotong masih kecil dan akan membazirkan khazanah kayu-kayan kita di dalam negeri ini. Di dalam Malaysia ini cara pemotongan kayu adalah dengan dua cara: satu pemotongan untuk meluaskan tanah supaya dapat ditanamkan dengan tanaman yang lain, tanaman biasa, seperti getah dan kelapa sawit. Pemotongan yang kedua ialah pemotongan untuk mengambil kayu-kayan ini sebagai sumber kepada perusahaan kayu dan di dalam pemotongan nombor dua ialah kita mengenakan satu peraturan yang ketat supaya the law of perpetual yield supply tidak akan dilanggar.

Saya juga ada mendapat beberapa teguran mengenai FIMA yang sangat membinakan. Dua Ahli Yang Berhormat telah mengesyurkan supaya FIMA mengkaji soal membuat makanan binatang. Sebenarnya soal membuat makanan binatang ini telahpun berbangkit di P.C.M. (Pineapples Cannery of Malaya), daripada bahan-bahan nenas yang kita tidak dapat tinkan. Sebenarnya, perkara ini sedang dalam penyelidikan dan kita harap penyelidikan ini akan dapat membawa kita kepada langkah yang lebih concrete lagi.

Ada banyak teguran-teguran telah diemukakan mengenai kelambatan tentang menyukat atau mengukur tanah di serata negara kita ini. Ini tidaklah dapat dinafikan. Sebenarnya, dalam Buku Biru saya telah berikan angka-angka yang menunjukkan betapa serious saya anggapkan masalah ini. Sebenarnya, bukanlah ini menggambarkan bahawa Jabatan yang tersebut tidak ada mengambil langkah yang cukup baik, sebenarnya kita sekarang ini seperti juga di dalam masa beberapa tahun selepas kemerdekaan, telah menumpukan terlalu banyak commitments kerja sehingga Jabatan kita tidak dapat menyelesaikan semua beban kerja yang diberi kepada mereka. Jadi terpaksa soal priority disusun dan mengikut dasar kita sekarang ini, priority diberi kepada pengukuran tanah yang akan menjadi rancangan. Jadi ini bererti banyak tanah untuk kegiatan pihak

swasta atau pihak perseorangan tidak dapat dijalankan oleh Jabatan Ukur dan kita harap bahawa mereka yang mahu menjalankan kerja mereka lebih cepat dapatlah pergi menggunakan tenaga Private Surveyors seperti telah kita galakkan beberapa tahun yang lepas.

Soal lambat mengukur ini tidaklah dapat diatasi walaupun kita cuba hendak menjalankan recruitment exercise yang besar-besaran, kerana timbunan kerja ini adalah banyak dan kerja tunggakan pun lebih banyak. Jadi kita terpaksa memikirkan cara-cara hendak merengangkan kerja-kerja ini dengan cara computerisation. Pada tahun lepas kita telah mendapatkan facilities yang dinamakan automatic computer iaitu menggunakan computer untuk mengira beberapa co-ordination tanda-tanda menjadi sempadan satu-satu tanah dengan satu tanah yang lain, tetapi computer sahaja tidak dapat mempercepatkan soal-soal yang membuat pelan. Jadi kita mesti ada automatic plotter dan kita telahpun memesan automatic plotter ini, kalau saya tidak salah automatic plotter akan sampai di Kuala Lumpur pada penghujung bulan ini. Sungguhpun saya rasa banyak beban kerja akan menjadi ringan kerana computerisation ini, saya rasa soal ukur dan soal tanah ini memang akan menjadi masalah sedikit dalam beberapa tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun, biarlah Ahli Yang Berhormat semua sedar bahawa Kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalahnya dalam kemampuan yang ada pada kita.

Ahli Yang Berhormat daripada Batu telahpun menasihatkan Kementerian saya supaya berjaga-jaga dalam berhubung dengan syarikat-syarikat besar seperti syarikat minyak dan beliau telahpun memberi amaran bahawa kemungkinannya big corporation lawyers can trick the Malaysian civil servants, is always possible. I do not deny this possibility, Mr Chairman. In fact, we are taking extra precautions in order to see that we do not get tricked. Nevertheless, the risk is minimised in the sense that most of these Agreements are somewhat standardised, based on the experience of our neighbours in the Middle East and particularly in Indonesia. I cannot change, for the simple reason that we want to honour our commitments, the legal relationship that we have had with companies who have got licences or leases from the Government before

my time. But what I will be doing will be that all new areas will be worked in accordance with a policy which I call "production sharing policy". This is based on the Indonesian experience. The contract is rather standard; the only variation will be on consideration of the kind of economic advantage that we want to extract from the company in exchange for allowing that company to work in certain areas which we will try to gauge as good, bad or less good. So the very foundation of this production sharing concept which I want to introduce in respect to areas not already given to companies is that there will be no more concessions; the companies coming into the country will come into an area and explore the area at their own risk. But upon the discovery of oil, they are entitled to claim all the expenditure they have incurred in the exploration of oil from the profits of oil during oil production. But when the production stage is reached the company only enjoys the status of someone who works the production of the oil on behalf of the Government and on behalf of the Corporation, if we build a Corporation, on the basis of, say, just for example, 60 per cent and 40 per cent of the oil found or produced—namely the Government would have 60 per cent and the company exploiting it will have about 40 per cent of the oil, after, of course, deducting the cost of operations and the cost of depreciation. I would think there would be less legal trap in this sort of arrangement and the greatest advantage of this kind of concept is that you will have full control of your resources and at no time will there be a transfer of the ownership of these resources to any other body except the body, namely, the National Oil Corporation that the Government vests the oil area in. The other advantage following this is that all the oil belongs to the Government until there is an actual transfer of the oil to the person who exploits it as a consideration for his working in the process of producing that oil.

Saya rasa dengan ada formula yang demikian maka kita akan tidaklah menghadapi satu keadaan seperti telah berlaku pada masa colony dahulu di serata tempat di dunia ini.

There is also a warning by the Honourable Member for Batu that we should not concentrate only on rubber. This, I think, is a fair warning in view of the experience we

have gone through, but perhaps from the very beginning the Government has made up its mind to diversify and I think wherever soil condition permits, we will try to diversify. The prevailing crop for diversification is, of course, oil palm but diversification doesn't mean that we stop at diversifying to oil palm.

The question of increase of subsidy is now being considered. I am not in a position to say whether there is a case for increase or not at this stage, but I would like to clarify that the subsidy is not only from the contribution of the smallholders for the purpose of their own Replanting Fund. In fact, more than half of the subsidies come from Government grants.

The Honourable Member for Batu also suggested that we should try to prohibit the import of products which can be produced in our country. He gave the example of jam.

Saya memang setuju bahawa kita patut menyelidiki soal ini dan dengan tujuan ini maka kita sekarang ini sedang mencuba samada boleh atau tidak bagi kita mengeluarkan jem-jem daripada buah-buahan yang ada dalam negeri kita ini. Pihak food technology telahpun menjalankan experiment mengenai soal ini dan pada masa sekarang ini P.C.M. sedang membuat beberapa jem tetapi belum dapat commerical quantity lagi daripada nenas, daripada nangka, daripada buah betik dan buah-buahan yang lain. Langkah telahpun diambil untuk mencapai satu kedudukan dengan mana kita akan dapat memberi bekalan barang-barang makanan yang dikehendaki dalam negeri ini daripada usaha kita dalam negeri sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telahpun memberi nasihat supaya kita jangan berdiam diri dan bergantung sangat berat terhadap pasaran U.K. dalam penjualan nenas kita. Ini adalah satu nasihat yang sangat menasabah dan sambil kita hendak mengexploitkan kedudukan kuat kita dalam U.K. telahpun dalam beberapa tahun yang lepas cuba hendak memperkuat kedudukan kita dalam pasaran lain, misalnya di Kanada dan di Amerika Syarikat. Kalau saya tak salah di Kanada sahaja kita telah dapat menjual hampir-hampir setengah daripada pasaran buah nenas di Kanada. Kita juga telahpun mendapat quota daripada negeri Jepun yang kita ingin hendak menggunakan sepenuhnya.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan juga telahpun merayu supaya lebih perhatian dan wang patut diberi kepada Pusat Penyelidikan Kayu di Kepong. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kenangan beliau terhadap pusat penyelidikan kayu itu. Sebenarnya pada masa sekarang ini saya rasa research programmenya masih mengikut satu priority yang kita fikir sangat sesuai dengan kehendak ataupun untuk perkembangan perusahaan kayu-kayan dalam negeri ini. Misalnya kita mengambil berat atas soal teknik-teknik hendak membuat plywood lebih baik bagaimana dapat mengupas plywood lebih cepat, bagaimana hendak dapat melekapkan plywood itu dengan keadaan yang lebih cepat, bagaimana kita dapat menggunakan satu-satu jenis kayu lebih senang untuk plywood, untuk veneer, bagaimana kita dapat menolong banyak perusahaan-perusahaan daripada molding kepada industri-industri lain supaya mereka dapat mengeluarkan barang-barang yang bermutu. Soal mengeluarkan perabut yang knock-down (knock-down furniture) sedang dipelajari dengan sedalam-dalamnya sekarang ini. Dalam perasan saya ini adalah satu line of production yang akan dapat menarik pasaran yang cukup baik.

Ada dua orang Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya kita selidiki soal penggunaan buluh dan saya akan timbangkan perkara ini, saya pun tidak tahu adakah ini di bawah Kementerian saya ataupun Kementerian Pertanian dan Perikanan. Walau bagaimanapun soal ini mestilah kita selidiki.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan juga telah mengatakan bahawa ada pihak kononnya daripada J.K.R. yang mengatakan bahawa menggunakan permukaan getah asli di dalam negeri kita ini tidaklah begitu elok. Sebenarnya ini tidak betul. Satu daripada faedah daripada permukaan getah asli dalam pembinaan jalanraya ialah dia akan mempunyai long life ataupun dia tak payah diberi maintenance hampir-hampir dua kali lama daripada jalan-jalan biasa.

Bagi negara-negara yang mempunyai pertukaran temperature yang sangat jauh jalanraya yang menggunakan getah asli memanglah ada faedah lebih besar daripada dalam negeri kita ini kerana getah akan dapat melawan extreme changes of temperature without correcting.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur telah mengemukakan soal pekerja-pekerja yang telah disuruh berhenti apakala sebuah ladang itu ditukar daripada ladang getah kepada ladang kelapa sawit misalnya. Saya tidak tahu soal itu, jadi saya akan selidiki supaya kita dapat mencari apakah yang dapat kita buat mengenai masalaah mereka itu.

Satu cadangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timur itu memanglah sangat secukupnya dengan pemikiran saya sendiri iaitu to spread the risk of shareholders by grouping together all the estates planting rubber and estates planting other materials. There is quite a lot of argument for this approach because the commodity prices can vary from time to time and luckily for us not all these commodity prices come down together or come up together and therefore the spreading of the risk is quite a good thing. I am very attracted to that concept and I think I must see how this can be embedded into a system. I feel at this stage that we can group together through the RISDA holding all the various estates and treat all the estates as having taken dividend from a central consolidated fund of the holding company if we want to spread out the risk. I hope this is a possible thing for me to do.

There is at the moment a prevailing practice of exporting palm oil in crude form, although efforts are now being made to have a plant in this country to refine palm oil. I know that a few groups of companies have shown interest in pursuing this line of business in Malaysia. There is of course in this respect some difficulty about the export of refined palm oil for the simple reason that it requires stringent conditions for shipping and at the moment we don't have that easy access to ships that will subject themselves to that kind of stringent conditions. This is a factor that poses a problem, and I would like to see whether this problem can be solved in the shipping field.

The Honourable Member for Seremban Timur also suggested that reports from geological surveys should be given to this House from time to time. Whilst I have no objections to that idea, the prevailing practice, I think, is quite sufficient, namely, that reports of geological surveys are normally contained in annual reports in

geological memoirs and bulletins and if there are any parties that are interested, they can always go to the Geological Department. For the purpose of fore-knowledge, I think without burdening an already small department, because of the difficulty of getting qualified staff, I would like the present practice to be continued and if there is any particular interest, I will be only glad to help the private sector to get the kind of information about geological surveys that they want. Of course, in East Malaysia they can also get similar publications on geological surveys from Kuching and Kota Kinabalu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan telahpun menimbulkan soal "grading" dalam grading kayu-kayan yang kita eksport keluar negeri. Beliau telahpun meminta supaya saya jangan mengeluarkan export permit kepada mereka yang mengimpotkan ungraded timber. Sebenarnya saya tidak menggalakkan eksport ungraded timber, hanya saya membenarkan dua perkecualian (exception) dalam soal ini iaitu pertama kepada negara-negara Timur Tengah yang suka kepada kayu-kayu yang murah dan juga kayu-kayu pontong yang lebih yang dapat digunakan sebagai "grade vine stick". Sebagai amalan biasa kita tidak mahu menggalakkan orang mengimpot ungraded timber. Dalam soal ini, saya tidak mahu bercakap panjang lebar, kerana akan saya jelaskan dengan lebih luas lagi apakala sebuah Rang Undang Lembaga Perusahaan Kayu-kayan yang akan dibacakan kali kedua dalam mesyuarat ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telahpun mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan sebuah corporation yang boleh menjalankan timber enterprises sendiri dan dapat dijual sahamnya kepada rakyat jelata di Sarawak terutama sekali kepada rakyat bumiputra. Saya fikir syor Ahli Yang Berhormat itu memanglah sangat sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru sekarang ini dan kita berharap Kerajaan Sarawak yang sebenarnya lebih berkuasa atas soal memberikan concession timber area, akan mengambil perhatian atas soal ini apakala saya sendiri nanti memberi penerangan kepada Kerajaan Sarawak atas maksud Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga ada meminta supaya rancangan kelapa sawit di buka di Sarawak dengan secara besar-besaran. Pada peringkat ini Sarawak sedang

menjalankan sistem pekerjaan tanaman semula atau tanaman baru mereka dengan menggunakan sistem mereka sendiri dan tidak masuk di bawah sistem nasional seperti yang berlaku dalam Malaysia Barat ini. Sebenarnya satu perundingan sedang dijalankan dengan Kerajaan Sarawak untuk menguatkuasakan Undang-undang RISDA dan Undang-undang M.R.E. yang kita telah luluskan supaya dapat berjalan kuatkuasanya di Malaysia Timur. Apakala Rang Undang-undang itu nanti dapat berjalan kuatkuasanya di Malaysia Timur, maka insya Allah saya sebagai wakil yang datang daripada Sarawak memanglah ingin hendak membuat rancangan seperti di Malaysia Barat ini supaya dijalankan juga di Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telahpun mencadangkan supaya National Land Code kita ditukar kerana kelambatan dalam menjalankan transaction berkaitan dengan tanah. Saya pun telah menjawab kepada cadangan beliau yang sama pada hujung tahun yang lepas ini dan rupa-rupanya dia tidak tahu bahawa jawapan sudah diberi.

Beliau telahpun menyatakan "we should not adopt the attitude that we can cut our trees any time we like just because three-quarter of our country is covered with forest." Dia juga bertanya "What happened to the Canadian Report on resources survey?" Saya rasa eloklah Ahli Yang Berhormat itu membaca lebih kerap lagi berita-berita dalam akhbar supaya beliau dalam keep abreast with the modern up-to-date news. In actual fact, an inventory survey has been carried out on all the forests of West Malaysia, Sarawak and Sabah although not under the same scheme. As I have mentioned just now, the Sarawak and the West Malaysian inventory survey has been carried under the U.N.D.P., and the Sabah one has been performed under the Canadian Aid Plan. There is no doubt that we have taken the step as a foundation for us to plan resources use and we are now in the middle of investigating the kind of industries required and how to spread these industries for the whole of Malaysia in respect of the timber industry. I will speak further on this point when I introduce the Timber Industry Board (Incorporation) Bill.

Ada dua orang Ahli Yang Berhormat telah mencadangkan kegunaan bahan-bahan tempatan yang mungkin akan menimbulkan "cottage industry". Pada masa sekarang ini

saya tidaklah dapat menjawab atas soal ini, kerana perkara ini barangkali dijalankan oleh beberapa Kementerian, saya fikir barangkali atas soal "cottage industry" ini Kementerian Belia, Sokan dan Kebudayaan ada juga peranannya sendiri. Tetapi kalau ada rancangan bersama, saya inginlah hendak menyumbangkan tenaga Kementerian saya untuk menggalakkan tumbuhnya "cottage industry" ini.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara telah juga menasihat supaya kita mengkaji-kaji khazanah hasil bumi kita bukan sahaja dalam batu-batu dan di pokok-pokok, tetapi di dalam pasir-pasir yang biasa supaya dapat mengetahui adakah tidak kemungkinan kita akan mengeluarkan gelas ataupun cermin kita sendiri.

Sebenarnya kita telahpun berjalan seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya fikir di Johor pada masa sekarang ini ada satu usaha yang akan menggunakan silika untuk membuat cermin.

Tuan Pengerusi, hanya satu perkara sahaja lagi yang saya ingin jawabkan yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli, iaitu peranan bumiputra mengambil bahagian di dalam perusahaan kayu ini. Pada peringkat pertama kita telah menggalak supaya mereka dapat bertapak di dalam perusahaan membalak. Saya rasa, kalau kaum bumiputra akan bergerak sama selangkah dengan kaum-kaum lain, maka mereka hendaklah daripada sekarang merancang supaya dapat kita mengambil peranan dalam perusahaan-perusahaan yang berasas kepada kayu-kayan dan jangan sahaja tinggal di dalam sektor pembalakan sahaja. Pada masa sekarang ini, kita sedang mengkaji bagaimanakah baiknya menggalak orang-orang Melayu yang mempunyai tanah yang mengandungi bijih timah. Saya belum dapat menjelaskan apa cara yang paling baik dalam menjalankan tujuan ini kerana soal ini ialah "complex, commercial and industrial exercise" dan bila saya sudah dapat cara-cara yang cukup jelas, saya akan terangkan nanti kepada Dewan yang mulia ini.

Sekali lagi, Tuan Pengerusi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali mereka yang memberi galakan kepada Kementerian saya dengan memberi

"appreciation" atas apa-apa yang telah dibuat. Ini saya anggap akan menjadi satu galakan kepada Kementerian saya untuk menumpukan lebih lagi tenaga dalam menjalankan tugas kami.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih atas cadangan-cadangan yang sangat membina yang telah diberi oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$26,491,696 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan \$55,765,180 untuk Kepala P. 15 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala B. 16 dan P. 16—

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Pembangunan dan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1973 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah \$22,730,555. Daripada jumlah ini \$5,205,275 ialah Anggaran Pembangunan dan \$17,525,280 ialah Anggaran Belanja Mengurus.

Bagi Anggaran Pembangunan, Kementerian saya tidak memohon peruntukan banyak oleh sebab ianya merupakan perbelanjaan atas projek-projek yang sudahpun mula berjalan dan akan disambung pelaksanaannya pada tahun 1973. Kekurangan yang besar (iaitu lebih kurang 89%) berbanding dengan Anggaran Pembangunan Tahun 1972 adalah disebabkan pemindahan beberapa pecahan kepala pembangunan berkaitan dengan hasil-hasil utama dan tenaga letrik kedua buah Kementerian yang baru diwujudkan pada awal tahun 1972, iaitu Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Kerjaya dan Tenaga. Tambahan lagi, kebanyakan pecahan kepala pembangunan itu telahpun mencapai peringkat akhir pelaksanaannya.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah bercadang hendak menyentuh satu-persatu projek-projek pembangunan Kementerian saya dengan panjang lebar tetapi saya suka mengambil peluang untuk menyentuh dengan serba ringkas beberapa projek pembangunan

terbesar yang akan dilaksanakan oleh Kementerian saya pada tahun 1973. Projek-projek tersebut ialah:

Pecahan-kepala 2: Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Persekutuan (MIDF. BHD)

Sebenarnya peruntukan yang dijadualkan bagi tahun 1973 telahpun dikeluarkan dalam tahun 1972 sebanyak \$20 juta yang merupakan ansuran terakhir pinjaman Kerajaan kepada Syarikat tersebut yang berjumlah \$100 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu tidak ada peruntukan dibuat pada tahun 1973 kerana hampir kesemua \$100 juta telah dikeluarkan menjelang akhir tahun 1972.

Pecahan-kepala 3: Kawasan Perindustrian (\$120,255)

Sebagai satu daripada langkah-langkah untuk memajukan aktiviti-aktiviti perindustrian di negara ini, peruntukan sebanyak \$120,255 untuk tahun 1973 adalah merupakan ansuran terakhir pinjaman Kerajaan sebanyak \$1,120,255 bagi memajukan kawasan perindustrian Kemunting Peringkat Kedua.

Pecahan-kepala 4: Pusat Daya Pengeluaran Negara (\$400,000)

Peruntukan sejumlah \$400,000 bagi tahun 1973 untuk Pusat Daya Pengeluaran Negara adalah meliputi perbelanjaan berhubung dengan pembinaan:

- (i) Sebuah Sekolah Latihan Hotel, Restoran Pelancungan (\$240,000) sebagai belanja permulaan bagi membeli tanah, bayaran perunding dan penyediaan tapak sekolah tersebut;
- (ii) \$146,000 ialah anggaran bagi membina 13 buah bilik tambahan untuk pegawai-pegawai; dan
- (iii) \$14,000 pula ialah merupakan "wang tahanan" (retention fees) bagi projek menghawa-dinginkan Dewan Pusat tersebut.

Pecahan-kepala 5: Perbadanan Kemajuan Pelancungan (\$885,000)

Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 1972 akan meneruskan usaha-usaha melaksanakan beberapa projek pembangunan yang masih dalam proses

perlaksanaannya dalam usahanya menarik pelancung-pelancung melawat di negara ini. Pada tahun 1973, peruntukan sebanyak \$885,000 adalah diperlukan bagi membiayai beberapa projek pelancungan seperti Motel Kuala Trengganu, Motel Rantau Abang, Pusat Penerangan Pelabuhan Kelang, Kompleks Pelancungan Bukit Nanas dan Kompleks Pelancungan di Batu Caves.

Pecahan-kepala 8: Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (\$10)

Tidak ada apa-apa projek pembangunan yang akan dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan bagi tahun 1973. Cuma peruntukan tanda dibuat untuk tahun 1973.

Pecahan-kepala 12: Badan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. (\$3.8 juta—Pinjaman)

Peruntukan pinjaman seterusnya kepada Badan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd. untuk tahun 1973 ialah \$3.8 juta dengan tujuan hendak membantu rancangan perkembangan Badan tersebut terutama dari segi perkhidmatan dan pembelian lebih banyak kapal-kapal untuk berulang alik ke Timur Jauh dan Eropah.

Pecahan-kepala 13: Syarikat Malaysia Explosives Sdn. Bhd. (\$10)

Projek pembinaan kilang syarikat ini telahpun disiapkan dalam tahun 1972. Cuma peruntukan tanda sahaja dibuat bagi tahun 1973.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja penerangan ringkas mengenai beberapa projek pembangunan yang masih perlu dilaksanakan oleh Kementerian saya pada tahun 1973. Sekarang izinkan pula saya membentangkan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1973 Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, walaupun Anggaran Pembangunan Kementerian saya untuk tahun 1973 mengalami kekurangan jika dibandingkan dengan tahun 1972, tambahan di dalam Anggaran Belanja Mengurus Kementerian saya untuk tahun 1973 adalah banyak, iaitu lebih kurang \$4.5 juta dari peruntukan tahun 1972. Ini adalah kerana Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperluaskan

aktiviti-aktivitinya terutama sekali dalam bidang kemajuan perdagangan, perindustrian dan pelancungan.

Tuan Pengerusi, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya telah menubuhkan satu Bahagian Penguatkuasa pada tahun 1972 dalam usaha Kerajaan menstabilkan harga-harga barang keperluan harian. Bahagian ini akan diperkuatkan lagi pada tahun-tahun hadapan bagi mencegah peniaga-peniaga mencari untung yang berlebihan ataupun "profiteering" melalui kawalan ke atas tanda harga barang-barang. Kempen ini akan diteruskan lagi dalam usaha Kerajaan hendak memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna. Dewan ini juga telah meluluskan undang-undang yang diberi nama Akta Perihal Dagangan dan melalui Bahagian Penguatkuasa, pengawasan akan dibuat ke atas peraturan-peraturan perihal perdagangan di negara ini.

Saya suka mengumumkan di Dewan ini, peruntukan telah dibuat untuk membolehkan Kementerian saya membuka satu lagi pejabat cawangan Bahagian Perdagangan Dalam Negeri Kementerian saya di Kota Bharu. Ini akan memudahkan peniaga-peniaga di Pantai Timur membuat urusan mengenai lesen-lesen impot dan ekseptot.

Di dalam bidang kemajuan perdagangan antarabangsa pula, Kementerian saya akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menggalakkan ekseptot barang-barang Malaysia ke luar negeri. Dalam tahun 1972 Malaysia telah mencapai berbagai-bagai kejayaan dalam usaha memperkenalkan barang-barang buatan Malaysia di luar negeri seperti penyertaan di dalam Asian International Trade Fair yang ketiga di New Delhi dan kejayaan Rombongan Perdagangan Textiles Malaysia di negara-negara Pasaran Bersama Eropah dan Scandinavia.

Peruntukan juga telah dibuat untuk Kementerian saya bagi membuka 2 buah lagi pejabat penggalakan perdagangan di seberang laut. Ini akan memperkuat lagi rangkaian pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia yang ada di seberang laut pada masa ini.

Dalam pada itu usaha-usaha akan terus dijalankan untuk menjaga kepentingan Malaysia di dalam bidang kenaikan harga

tambahan (freight cost). Dalam tahun 1972 Kementerian saya telah menubuhkan Majlis Perkapalan Nasional untuk menggembeling seluruh tenaga para pengkapal negeri ini bagi mendapatkan kadar tambahan yang lebih baik bagi barang-barang Malaysia.

Mulai tahun 1973 adalah dijangka Yunit Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan yang baru sahaja ditubuhkan di Kementerian akan dapat bergerak dengan sepenuhnya untuk membantu Kementerian saya di dalam bidang penyelidikan, perancangan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti Kementerian di masa hadapan.

Tuan Pengerusi, kemajuan yang dicapai oleh negara kita dalam bidang perindustrian adalah sangat menggalakkan. Ini terbukti dengan tambahan yang pesat di dalam bilangan kilang-kilang perindustrian yang telah dan sedang dibina dalam negara kita ini. Ini adalah hasil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan untuk menarik lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha asing melaburkan modal mereka di negara kita. Usaha-usaha penggalakkan serupa ini akan dipergiatkan lagi pada tahun hadapan. Umpamanya adalah dirancang 2 buah lagi pusat penggalakkan pelaburan di seberang laut akan dibuka di Pantai Barat Amerika Syarikat dan di Jepun. Ini adalah sebagai tambahan kepada pusat-pusat penggalakkan pelaburan Malaysia yang sekarang ini ditempatkan di New York dan Dusseldorf.

Tuan Pengerusi, dalam usaha Kerajaan mempercepatkan bidang kemajuan perindustrian di negara ini, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan akan meneruskan usaha-usahanya menjalankan lebih banyak lagi kajian kemungkinan perusahaan dengan tujuan menggalakkan lebih ramai lagi para pengusaha Bumiputra mengambil bahagian dalam lapangan perindustrian di negeri ini.

Saya berasa yakin dengan adanya galakan yang diberikan oleh Kerajaan, penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian akan bertambah dari masa ke masa baik di dalam bidang pemilikan modal ataupun guna tenaga. Dalam hubungannya ini Bahagian Perindustrian Kementerian saya adalah sentiasa mengadakan pengawasan yang aktif untuk menentukan bahawa syarikat-syarikat yang telah diberi kelulusan

oleh Kementerian tidak akan bergerak bertentangan dengan dasar penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Tuan Pengerusi, dalam bidang pendaftaran syarikat-syarikat pula, saya sukalah menyatakan bahawa Pejabat Pendaftaran Syarikat di bawah Kementerian saya akan membuka 2 buah lagi pejabat cawangannya iaitu di Johor Bharu dan Kota Bharu tahun hadapan. Ini adalah sebagai tambahan kepada pejabat cawangan yang pertama di Pulau Pinang.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah dilancarkan pada tahun 1972 untuk mengambil alih tanggungjawab dalam bidang kemajuan pelancungan daripada Jabatan Pelancungan. Sebagai sebuah Perbadanan, Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan dapat mengadakan langkah-langkah yang lebih positif lagi untuk menarik lebih ramai pelancung-pelancung melawat Malaysia selain daripada menentukan bahawa perusahaan pelancungan di negara ini berjalan dengan lancar dan teratur. Dalam hal ini Perbadanan akan mempergiatkan usahanya untuk mengadakan "follow-up" yang berkesan ke atas Persidangan PATA yang telah diadakan dengan jayanya dalam tahun 1972. Sungguhpun kesan Persidangan PATA masih belum lagi dapat dipastikan pada permulaan tahun 1973, tanda-tanda telah menunjukkan bahawa bilangan pelancung yang telah dan akan melawat negeri ini bertambah dalam tahun-tahun akan datang. Ini merupakan kejayaan langkah-langkah kita mengenalkan Malaysia sebagai pusat pelancungan yang menarik. Perbadanan ini sedang mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk menubuhkan pusat-pusat penggalakkan pelancungan seperti di Bangkok, Hong Kong, Copenhagen, Frankfurt dan Tokyo.

Tuan Pengerusi, dalam bidang mengadakan latihan pengurusan dan daya pengeluaran kepada rakyat Malaysia pula, Pusat Daya Pengeluaran Negara akan memperbanyakkan lagi jenis dan bilangan kursus dan seminar-seminar mengenai pengurusan dan daya pengeluaran bagi berbagai-bagai jenis pada tahun hadapan. Perkhidmatan-perkhidmatan perunding akan juga diperbanyakkan. Pusat ini akan memberikan perhatian yang lebih kepada latihan-latihan untuk pengusaha-pengusaha bumiputra supaya lebih ramai lagi daripada mereka mempunyai kecekapan

dalam bidang urusan perniagaan. Pusat ini akan juga menubuhkan sebuah Sekolah Latihan Urusan Hotel pada tahun hadapan dan ini dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 1975.

Tuan Pengerusi, demikianlah secara ringkas rancangan-rancangan Kementerian saya pada tahun 1973. Saya memohon Anggaran Pembangunan dan Belanja Mengurus Tahun 1973 Kementerian saya diluluskan.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut):
Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian mengenai dengan Kepala B. 16 ini dan perkara yang saya ingin sentuh adalah Bahagian Pengkuatkuasa.

Mengikut apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan peruntukan di dalam Dewan ini baharu sekejap tadi bahawa Bahagian Pengkuatkuasa ini telah ditubuhkan dalam tahun 1972 ialah semata-mata hendak mengawasi dan menjaga amalan-amalan yang salah yang dijalankan oleh ahli-ahli perniagaan untuk menaikkan harga barang keperluan dengan cara sewenang-wenangnya.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini, Tuan Pengerusi, saya nampak ahli-ahli perniagaan di dalam negara kita ini telah cuba membuat satu cabaran yang besar kepada Kerajaan terutama sekali kepada Bahagian Pengkuatkuasa ini, kerana sebelum Bahagian Pengkuatkuasa ini ditubuhkan kita tidak nampak barang-barang keperluan dinaikkan dengan cara sewenang-wenangnya di dalam negara kita ini, tetapi setelah adanya Bahagian Pengkuatkuasa di Kementerian ini maka nampaknya ahli-ahli perniagaan semakin berani dan ini merupakan satu cabaran yang paling besar kepada Timbalan Menteri kita yang masih muda yang telah diberi tanggungjawab penuh untuk menghadapi perkara yang semacam ini.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, kiranya perkara yang seperti ini tidak dapat diatasi di dalam masa yang singkat, maka harapan rakyat kepada bahagian ini dan kepada Kementerian ini samalah seperti harapan rakyat di masa-masa yang telah lalu, iaitu tinggal harapan sahaja, ada undang-undang, tinggal undang-undang sahaja, ahli-ahli perniagaan dapat berjalan dengan bebas mencari keuntungan dengan cara memindas rakyat biasa.

Di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat jaminan secara tegas daripada Menteri yang berkenaan sejauh mana kuatkuasa undang-undang yang kita telah luluskan di dalam Dewan ini sedikit masa yang lalu hendak dijalankan dan kiranya perkara yang dijanjikan itu tidak dijalankan, apakah yang patut kami katakan kepada Kementerian ini di masa yang akan datang. Saya rasa bahagian ini adalah bahagian terpenting dengan keadaan-keadaan yang ada sekarang ini.

Seminggu yang lepas, Tuan Pengerusi, saya membaca dalam surat kabar ada satu pihak yang diberi tanggungjawab mengenai dengan padi dan beras telah membuat suatu kenyataan dan disiarkan dengan cara besar-besaran bahawa beras kita cukup, beras tidak akan naik, dua hari selepas berita itu tersibar, maka beras melambung naik dalam tanahair kita ini. Saya tidak faham hari ini Menteri kata harga beras tidak naik, esok harganya naik; hari ini Menteri kata kita ada Bahagian Pengkuatkuasa yang boleh menahan ini, esok harganya naik, jadi saya tidak faham. Inilah yang saya minta jaminan di dalam Dewan yang mulia ini sejauh mana kekuatan kita untuk menghadapi ahli-ahli perniagaan ini, atau Kerajaan berasa takut hendak menghadapi ahli-ahli perniagaan yang ada di dalam tanahair kita mengenai masalah ini.

Saya tidak suka lah bercakap panjang, Tuan Pengerusi, inilah sahaja perkara yang saya minta jaminan.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I refer to Head B. 16, Code 1100, page 141, Salaries and Wages, item (2), Enforcement Unit.

Tuan Pengerusi, what are the functions of the Enforcement Unit? We have been informed by the Honourable Deputy Minister of Trade and Industry that this Enforcement Unit's function is to maintain price stability of the essential commodities. But it would appear, if that be the intention of creating this Enforcement Unit, that it has failed miserably to achieve the results. All that seems to have been done by the Enforcement Unit is to ensure that there is price-tagging and that all retailers and shopkeepers price-tag all their goods. If the intention is to bring about a situation where retailers are

dissuaded from hiking up the prices of their goods then, as I have said earlier, Tuan Pengerusi, it is not achieving what it was intended to do. In fact, the price-tagging has turned out to be a failure. I would say, Tuan Pengerusi, that the price-tagging as is carried out today is a sham. It is being used by the Government as an excuse for not imposing price control. The prices of essential goods are spiralling. All that price-tagging requires is that the shopkeepers price-tag and this is what they have done. They price-tag all their goods but they price-tag at prices which are above the prices at which they are willing to sell their goods. If they are willing to sell their goods at 50 cent, they will put there 60 cent or 70 cent. There is no law against it and all that happens is that an unwary customer, thinking that that is the price, in fact ends up paying more instead of less. In fact price-tagging, instead of protecting the consumer, has enabled the sellers to cheat the consumers. What do we see the Enforcement Unit doing? They seem all the time to harrass small shopkeepers and retailers whilst the real big sharks who create shortages and make fantastic profits are let off. All that price-tagging has done is to give the impression that Government is doing a lot to protect the consumers while in fact it is doing precious nothing. Further, as I have stated, it causes members of the public to be off-guard. They think, after reading the newspapers about price-tagging and checks here and there that the Government has some control and therefore they are taken in.

Tuan Pengerusi, what is really needed is not price-tagging but price control and quality control especially when we have so much import substitution industries. We need price control but in cases where the goods are locally manufactured, we must also have quality control because should the Government in these industries impose just price control, the manufacturers can and will continue to cheat the consumers by manufacturing goods of poorer quality. I used the word "poorer" because their goods, as at present, are of poor quality already. If the Government were to put price control, without at the same time having quality control, the manufacturers will say, "All right, we cannot hike our prices. All we do is manufacture goods of a poorer quality and still make a profit at the expense of the consumer". I do not understand and neither

do members of the public understand why the Government is so adamant in its attitude of not wanting to impose price control and quality control on the manufacturers. Is the lobby of the manufacturers and industrialists so strong that it can apply so much pressure on the Government that the Government gives in to them and looks after their interests instead of the interests of the "have-nots" in the country?

Tuan Pengerusi, the Government claims that the prices of goods in the last decade have only increased by about 10%. Tuan Pengerusi, the retail price indices maintained by the Government on essential commodities should be scrapped. It is unrealistic. Any housewife can tell with greater authority and first-hand knowledge that these indices on retail prices do not reflect what is being charged at the market level. They pay and they know. The consumers' associations, in fact, can provide better figures on the retail prices than the Government for the simple reason that they have better contacts on the ground, unlike the Government officials who seem to be perpetually hoisted in their ivory tower and playing with figures that have no relevance to the reality of inflation that is taking place in the country. I call on the Government to strengthen the consumers' associations and to encourage these associations. These associations should be encouraged to grow in all the States in the country and the Government should heed their voice and not treat them as a group of people who are causing trouble for the Government and to be soothed by some words or a flurry of action now and then. The Government should give them financial backing so that they can do a better job than they are doing now and raise the problems that the consumers in the country as a whole are facing.

Tuan Pengerusi, recently, the country once again experienced a shortage of sugar and a scare that the price of sugar would be going up in spite of assurances given by the Government that it was keeping a watchful eye on the situation. In late 1971 and in early 1972 we have had the same experience of sugar shortage and we were then assured by the then Minister of Trade and Industry that the Government had a stockpile but for reasons that were obvious, i.e. in the public interest, he was not able to divulge the quantity of the

stockpile. But the public were told not to worry. And yet the public were forced to worry. Why is this being allowed to happen again, Tuan Pengerusi? Something is very wrong somewhere and the Government cannot absolve itself of blame by pointing the finger at others. The Government should have seen to it that such a situation is not allowed to arise in the first place. Tuan Pengerusi, I understand that the Government reviews the question of whether to allow an increase in the price of sugar or not every three months and this is due to the pressure that is being applied by the sugar manufacturers because these manufacturers and dealers in sugar anticipate that the Government may sanction an increase in the price of sugar—every three months there is a review and so there is a possibility. So they hoard this commodity. That is what happened if in fact there was no shortage. It was this practice then if that be the case, of the Government reviewing the situation every three months with a view to perhaps allowing an increase in the price of sugar that caused this periodic shortage in the market.

However, the recent contradictory statements made by the newly appointed Deputy Minister of Trade and Industry and the Head of BERNAMA on this subject have further confused the public as to the actual situation and they want to know what actually is the situation and because of these contradictory statements they begin to wonder whether the price of sugar will be increased in the near future. Perhaps, it has not been increased for political reasons because the Chinese New Year Festival season is around, just two weeks more, and thereafter perhaps there may be an increase. I therefore, Tuan Pengerusi, call on the Deputy Minister of Trade and Industry to make an authoritative statement in this House regarding this issue to dispel the existing confusion and worry in the public mind. I further call on the Deputy Minister to give an assurance in this House that there will be no increase in the price of sugar for the rest of this year.

Tuan Pengerusi, aside from sugar, there is a shortage of wheat flour in the country and the price of bread has recently been increased and there is talk that the price of bread will be further increased. Housewives all over the country are complaining that they are unable to obtain supplies of wheat flour. What has

the Government done to ensure sufficient supplies of this commodity? Where is the Government's stockpile of this commodity? Chinese New Year is around the corner and Housewives need wheat flour to make cakes and all other edibles that they need to celebrate the New Year and what we find is that there is a shortage. I call on the Government to look into this matter and to ensure that there is ample supply for the period of the Chinese New Year and also to give an assurance that there will be no increases in the price of this commodity for the next 12 months.

Tuan Pengerusi, what is the Ministry of Trade and Industry doing to keep inflation down? Everyone knows that the price of all goods have been spiralling and wage earners and all have-nots are finding it more and more difficult everyday to make ends meet. Due to the increases in the price of essential commodities that have been taking place the public is worried, and with good reason. And they wonder what is going to happen in the near future. The public wants to know the causes for these increases in prices and why it has been that Government is not able to put a stop to inflation. The Government puts the blame for inflation on profiteers and the business community blames forces outside their control for the inflation. This is an unsatisfactory state of affairs and the public is entitled to know what the real causes are and it should be possible to pin down the real causes for the increase in prices of daily necessities. The D.A.P. therefore calls for a Parliamentary Commission to be instituted to investigate into the causes for the series of price increases in essential commodities which seriously affect the living standards of the have-nots in this country and why increases in prices of essential commodities have been allowed to outstrip the increase in wages of the workers in this country. I hope that the Government will give serious consideration to our suggestion and not say that the Government will look into the matter and will make statements thereafter. They have been looking into this matter for umpteen years and they have not been able to solve it perhaps due to lack of will-power and know-how.

Tuan Pengerusi, I would like now to refer to the same page, same heading, item (8)—Development of Tourism. Tuan Pengerusi,

tourists in Australia or America or Japan or Europe do not really know Malaysia well and it would be rather difficult to "sell" the whole of Malaysia to them. One motel or some little bit of something in Trengganu, something else, a little bit in Kelantan, a little bit else in Port Dickson or Malacca—it is difficult to put across to a would-be tourist to this region of the world. He has not got the time. So the average tourist would like to take the region as a whole within a week or two. So, the best thing to do is to sell him some place in the country which can be linked with other parts of this region—Bangkok, Singapore, Bali, and in Malaysia, the State of Penang.

Tuan Pengerusi: Just for clarification, is tourism included here? I do not see any figures under this particular item?

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, item (8)—under Salaries and Wages, page 141.

Tuan Pengerusi: But there is no sum allotted to that item.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, we have for the Development of Tourism tiga juta ringgit lebih.

Tuan Pengerusi: Or am I reading something else?

Tuan Peter Paul Dason: Subhead 5, under Kepala P. 16, Tourist Development Corporation—\$885,000.

Tuan Pengerusi: Page?

Tuan Peter Paul Dason: Page 147, Tourist Development Corporation.

Tuan Pengerusi: Right, carry on.

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Pengerusi, it would be easier in fact to get the tourists into the country by projecting one place where it will be easier for them to cover Malaysia—that is Penang. We have some of the loveliest beaches in the country, in South-East Asia in fact. There are the hills; all the various cultures that you could find in the country are all there—a compact Malaysia. It will be easier in that way to bring them to Malaysia. By bringing them to Penang you are bringing them to Malaysia and you get their foreign exchange, their

money, and from there, after being able to bring them in their large numbers, then try to sell them Kelantan or Pahang or other places. For those that do not want to go to Singapore or Bali, when they have time they can take short trips but the thing is to bring them in first. If they just see a little bit here and there and they look at the map and see so many hundred miles so far apart, they don't have the time and therefore what can happen is they skip the whole country instead. So it would be better, Tuan Pengerusi, to lay more stress, in selling our country to potential tourists, on Penang. I am not saying this, Tuan Pengerusi, just because I am an elected representative from that State. But I think if the Ministry were to think hard enough on this subject, it must agree with me, and I hope having agreed with me, it would do something about it.

Tuan Pengerusi, I just like to touch on the question of industrial development, just in passing. I have already stated about this previously in this House, but I think it could bear some repetition just a little.

Tuan Pengerusi: Not too long.

Tuan Peter Paul Dason: I hope the House can just bear a little repetition.

Tuan Pengerusi: It is long enough now.

Tuan Peter Paul Dason: Just a little repetition, not much. What is the whole purpose of industrialisation? Nobody denies that development is taking place in the country. We are not blind, we see huge multi-storeyed buildings; landscapes and skylines are changing. But the thing is with all this development, who does it benefit? What is the purpose of this development? Is it to benefit Malaysians as a whole—the majority of the people—or is this exercise in development meant to create situations or conditions where a small group, a minority, can benefit by it and the rest can, with the dispensation of the rich, be permitted to eke out a subsistence living? What are factories for if they are not meant to improve the conditions and quality

of life of the people? If they are just to give them a job so that they can survive, they can live, then they become meaningless. Is that the objective of industrialisation in Government's thinking? Surely it cannot be so! Therefore, the Government must see to it that those workers who are employed in these factories get a decent wage, especially where export-orientated industries are concerned. A wage of \$50 or \$60 a month is meaningless, Tuan Pengerusi, and I hope the Government would introduce measures whereby these industrialists would have to pay minimum wages so as to give the workers not only a subsistence living, but something better than that—a meaningful and decent life where they can keep themselves decently. Further, where the Government finds that it has to involve itself in industries—the Federal Government sometimes involves itself in industries or State Corporations involve themselves in industrial concerns—then the Government should see to it that it sets an example for all other employers. They should give at least a minimum wage of \$120 a month to the workers where the Government has financial interest in those industries. If the Government itself does not set the example, how are we to expect industrialists, who by nature are exploitative, to do anything better? They naturally will exploit, and exploit as much as they can. So it is up to the Government to set the example and I hope the Government will set the example.

Finally, Tuan Pengerusi, I like to refer to the free trade zones in Penang. The people of Penang want to know when these zones are going to be operational? The free trade has been taken away and yet the free trade zones which are supposed to help them have not come into existence. It would have been better for the Government not to have taken away the free port status and brought about the free trade zones and got them operational and when they function, to take away the free port status of Penang Island. But for that, it would appear, it is now too late. I would therefore call on the Government to move much more speedily than they are moving at present

on this issue. They have taken years and they have no more excuse for delays. With that, Tuan Pengerusi, I like to end my speech.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun memberikan sokongan peruntukan yang diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dalam pada itu gemar saya bercakap dalam beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat waktu mengemukakan usulnya baharu sebentar tadi.

Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, saya dan rakyat negeri ini mengucapkan tahniah ke atas jawatan Yang Berhormat itu menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dan saya mengharapkan kerjasama yang tegas akan dapat dijalankan untuk memberi faedah dan kepentingan rakyat dalam negeri ini.

Selain daripada itu, dalam bahagian penguatkuasa kawalan barang-barang makanan, rakan-rakan saya telah bercakap dalam masaalah ini. Sekali lagi saya memberikan kepujian kepada Kementerian ini yang telah memberikan amaran kepada ahli-ahli perniagaan yang telah menaikkan barang-barang keperluan hari-hari kepada rakyat. Tuan Pengerusi, rakyat runsing di negara kita ini didirikan kilang tetapi barang-barangnya mahal. Didirikan kilang gula, gula mahal, didirikan kilang tepong, tepong mahal, didirikan kilang minyak kelapa, minyak kelapa mahal, didirikan kilang kayu, kayu mahal, didirikan kilang air botol pun mahal juga. Jadi kalau Kerajaan tidak tegas dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, darah rakyat akan dihisap oleh manusia ini.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri kiranya ahli-ahli perniagaan dalam negeri ini tidak menghiraukan ingatan Kerajaan dalam masaalah menaikkan barang-barang ini Kerajaan patut membawa satu Rang Undang-undang ke dalam Dewan ini supaya kilang-kilang ini tidak lagi membekalkan barangnya kepada pemborong-pemborong yang sentiasa menghisap darah ahli-ahli perniagaan dan rakyat dalam negeri

ini. Dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian jangan susah hati hendak menyampaikan barang kepada rakyat, pihak Kerajaan dalam berbagai-bagai Kementerian ada badan-badan yang berkanun. Dia ada badan Syarikat Kerjasama, ada Persatuan Peladang dan ada badan-badan yang lain.

Jadi melalui badan-badan itu perkilangan dalam negeri ini patut membekalkan barang kepada perbadanan ini kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, Persatuan Peladang, syarikat kerjasama (Angkasa) sebagaimana yang ditubuhkan dalam negeri ini dan badan-badan tersebut akan menyampaikan kepada pekedai kecil dalam negeri ini untuk disampaikan kepada orangramai. Suka saya memberitahu Dewan ini pada saat kegentingan gula dahulu, pihak Persatuan Peladang Kawasan Tangkak, saya salah seorang daripada Penasihatnya, ini bukanlah saya hendak mengangkat diri. Kami telah membeli gula terus daripada agensi di Kuala Lumpur untuk membekalkan penduduk kawasan Muar Utara tak kurang daripada 70 tan. Kami jual gula dengan harga yang dikehendaki oleh Kerajaan dan kami tidak mahu untung demi kepentingan rakyat. Dengan keadaan itu, maka ahli-ahli perniagaan yang menyorokkan gula itu dikeluarkan dan dijual dengan harga 45 sen sekati. Manusia itu menunggu saat yang genting hendak menjual gula 50 sen sekati. Mereka itu cukup pandai, Tuan Pengerusi, gula itu bukan disimpan di kedai, tetapi disimpan di rumah kawan-kawannya. Itulah manusia yang hendak menghisap darah rakyat tidak memikirkan negara ini.

Satu lagi masaalah yang timbul apabila Kerajaan memberi amaran begini tegas, mereka telah mula mengedarkan barang-barang, tetapi ada juga barang-barang yang mahal dan ada juga barang-barang yang susah didapati oleh rakyat umpamanya tepung gandum, sedangkan tepung gandum itu mudah sahaja boleh didapati oleh rakyat, tetapi dengan adanya usaha manusai yang hendak mencari keuntungan khasnya dekat tahun baru Cina mereka mengambil kesempatan terhadap pengguna-pengguna barang-barang itu.

Lagi satu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang mengatakan melihat kemajuan perindustrian adalah bertambah menggalakkan, samada taraf perintis atau tidak, dalam masaalah ini saya ingin menyentuh berhubung dengan bentuk penanaman modal kepada perindustrian yang telah wujud dalam negara kita ini. Mari kita perhatikan bahawa modal yang ditanam oleh bukan warganegara Malaysia sebanyak 60%, warganegara Malaysia bukan Melayu 35%, modal Melayu/bumiputra 5%. Atas kebijaksanaan Menteri yang muda ini dapatlah diseimbangkan dan dapat ditunjukkan kepada matlamat Kerajaan supaya bumiputra dapat menguasai 30% dalam penanaman modal pada perkilangan ini.

Saya nampak kalau usaha ini dibuat baharulah seimbang antara modal rakyat bukan bumiputra dan orang-orang Melayu dalam bidang perusahaan perkilangan ini

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh sambung semula ucapannya pada hari esok, tetapi jangan panjang sangat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.